

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 190 ● 11 - 17 NOVEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](https://t.me/Wilayahku)

 [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)



Pesona hutan hujan tropika
buatan di Putrajaya >> 9, 10 & 11



YWP, MSWP
fokus kebajikan
atlet >> 8



Pelancongan
malam bersama
keluarga di Ayer 8 >> 15



Cava Detox
himpun
tujuh perisa
menarik
>> 16

Elakkejadian di Taman Maluri berulang DBKL periksa 1,000 pokok



KEJADIAN pokok tumbang sehingga mengorbankan satu nyawa dan menyebabkan enam lagi individu cedera akibat hujan lebat dan angin kencang di Taman Maluri, Cheras pada Ahad lalu mengejutkan semua pihak.

Faktor cuaca ekstrem serta keadaan pokok yang berisiko menjadi penyebab bencana itu berlaku yang turut meranapkan beberapa buah kenderaan.

Berikutan masalah itu, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui aboris yang dilantik telah pun menjalankan pemeriksaan dan mendapati pokok yang tumbang itu mengalami masalah akar yang ketara.

JPLR juga telah menjalankan pemeriksaan terhadap hampir 1,000 batang pokok di sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan keadaan tersebut tidak berulang sekali gus mengelakkan risiko sama berlaku.

LAGI BERITA DI MUKA 2

'Terima kasih YWP kerana tanggung kos untuk kami pulang ke Malaysia'

AZLAN ZAMBRY

TERKANDAS di negara asing untuk tempoh lapan bulan tanpa sebarang akses kepada dunia luar sememangnya menyukarkan. Ditambah pula dengan sumber kewangan yang terhad menjadikan kehidupan lebih sukar kerana segala-galanya memerlukan wang untuk keperluan asas.

Melalui misi khas yang diketua Wisma Putra, kumpulan pertama warga Malaysia yang terkandas di Arab Saudi berjaya dibawa pulang sekali gus memberikan sinar harapan kepada mereka.

Menceritakan detik tersebut, seorang wanita yang hanya mahu dikenali sebagai Fatimah berkata sepanjang terkandas di negara tersebut selama lapan bulan, beliau terpaksa menjual apa sahaja termasuk barang perhiasan untuk meneruskan kehidupan.

"Ketika terkandas di Arab Saudi, kewangan susut jadi saya terpaksa jual apa yang ada termasuk emas perhiasan yang dipakai untuk meneruskan kehidupan seperti makan minum, susu dan lampin pakai buang untuk anak-anak.

"Selain itu, saya ada juga mohon bantuan daripada keluarga dan mereka melakukan pemindahan wang untuk kami meneruskan kehidupan ketika di sana," katanya kepada *Wilayahku* Jumaat lalu.

Beliau yang menetap di Cheras berkata antara kesulitan yang dihadapi adalah sukar mendapat capaian internet selain nombor telefon telah dimatikan ekoran sudah tidak aktif.

"Kebetulan di sana selalu ditimpah ribut pasir, jadi ia menghadkan lagi capaian internet kerana kami bergantung kepada kemudahan WiFi yang disediakan hotel," katanya.

Fatimah mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Wisma Putra, Konsular Malaysia di Jeddah yang membantu dari segi dokumentasi bagi memudahkan kami pulang ke Malaysia.

"Kami sekeluarga amat berterima kasih kepada kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang menanggung kos pengangkutan untuk pulang ke Malaysia.

"Selain itu, pihak YWP turut menyambut kami di Lapangan



PEGAWAI Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berbincang dengan Fatimah (dua dari kanan) mengenai beberapa urusan sebelum dibenarkan pulang ke kediannya di Cheras.

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sejak awal pagi serta memastikan saya dan dua lagi anak berada dalam keadaan baik sebelum sampai ke rumah," katanya sambil menyatakan permohonan maaf kepada semua pihak kerana telah membabitkan banyak pihak disebabkan ia melibatkan hubungan bilateral antara dua buah negara.

Sementara itu, kumpulan pertama 36 daripada 63 orang jemaah umrah yang terkandas di Arab Saudi sejak Jun 2022 telah tiba di KLIA pukul 5.50 pagi tadi dengan Malaysia Airlines penerbangan MH153.

"Baki 27 orang jemaah lagi akan dibawa pulang menerusi penerbangan seterusnya," katanya

dalam kenyataan.

Menjelas lanjut, Wisma Putra berkata urusan membawa pulang jemaah umrah yang terkandas ini telah dilaksanakan dengan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

"Ini adalah untuk memelihara hubungan dua hala yang akrab di antara Malaysia dengan Arab Saudi, dan keistimewaan yang telah diberikan kepada Malaysia seperti kemudahan Visa Pelancong yang hanya diberikan kepada 49 buah negara sahaja," katanya.

Wisma Putra menegaskan bahawa kerajaan kekal komited untuk memastikan keselamatan serta kebajikan warganegara Malaysia di luar negara sentiasa terpelihara melalui bantuan konsular berdasarkan kepada Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular 1963.

Wisma Putra turut menasihatkan rakyat Malaysia untuk sentiasa mematuhi dan menghormati undang-undang negara tuan rumah bagi mengelakkan sebarang kesulitan ketika berada di luar negara. **WK**

Pokok tumbang alami masalah akar - DBKL

DARI MUKA DEPAN

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati pokok tumbang akibat hujan lebat dan angin kuat pada Ahad lalu adalah berpunca daripada masalah akar yang ketara.

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi (JPLR) DBKL, **L.Ar Zulkifli Endut**, masalah tersebut berpunca daripada akar utama yang telah dipotong akibat pelebaran jalan dan pembinaan struktur kemudahan awam.

"Ia menyebabkan keluasan ruang penanaman yang terhad akibat daripada kedua-dua faktor tersebut dan mempengaruhi kestabilan pokok akibat ketidaan 'root anchorage' yang berfungsi bagi mengelakkan pokok daripada tumbang," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Jelas Zulkifli, pihaknya akan terus melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan cantasan berkala di semua kawasan secara berterusan bagi mengenal pasti pokok yang berisiko dan bermasalah serta penyelenggaraan secara berkala (*schedule work*) akan dilakukan dengan pemantauan arboris bertaualiah.

"DBKL juga ada membuat penilaian pokok berisiko tahap tiga (*advance tree assessment*) pada pokok besar yang telah dikenalpasti sekitar Kuala Lumpur.

"Penilaian tahap tiga ini den-



PEREPUTAN akar yang terjadi akibat dipotong untuk pelebaran jalan menjadi punca insiden pokok tumbang sehingga mengorbankan seorang lelaki pada Ahad.

gan menggunakan alatan khas (*Resistograph*) untuk menentukan pereputan kayu pada pokok dan pokok besar yang bermasalah ditebang segera untuk mengelakkan kemalangan dan risiko pada orang awam," katanya.

Menurut Zulkifli, bagi perancangan masa depan untuk mengelakkan kejadian sama berlaku, pihaknya mendapati pokok besar yang bermasalah ditebang segera untuk mengelakkan kemalangan dan risiko pada orang awam terutamanya pada musim hujan dan angin kuat

(*inter-monsoon season*).

"Pokok-pokok yang ditebang ini akan digantikan dengan pokok lain yang bersesuaian ber-gantung kepada keluasan ruang penanaman. Jika keluasan ruang penanaman tidak sesuai untuk ditanam pokok, ianya akan digantikan dengan tumbuhan renik.

"Perancangan penanaman semula pokok di Kuala Lumpur dibuat berdasarkan Garis Panduan Pelan Pengurusan Pokok Rendang Kuala Lumpur yang telah diterbitkan pada Januari 2019," katanya. **WK**

DBKL periksa 1,000 pokok berisiko tumbang ketika musim monsun

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menjalankan penilaian dan pemeriksaan terhadap kira 950 batang pokok di sekitar pusat bandar bagi mengelakkan risiko kepada orang awam terutama pada musim hujan dan angin kuat (*inter-monsoon season*).

Pengarah Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi DBKL, **L.Ar Zulkifli Endut** berkata langkah itu diambil untuk mengelakkan kejadian pokok tumbang sekali gus mengurangkan risiko sama sehingga membahayakan warga kota dan merosakkan harta benda.

"Pihak jabatan telah menjalankan penilaian pokok-pokok berisiko di sekitar pusat bandar berjumlah 950 pokok keseluruhannya dan daripada jumlah tersebut sebanyak 148 batang pokok telah disyorkan penebangan kerana dikategorikan pokok-pokok yang berisiko dan ia telah dilaksanakan," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Menurut Zulkifli, penanaman pokok di kawasan bandar terdedah kepada cabaran akibat kepelbagai bentuk gangguan yang wujud di persekitaran tapak dan memerlukan kawalan bagi mengelakkan mudarat kepada orang awam.

"Antara cabaran yang berlaku adalah kerosakan akar atau pangal reput yang berlaku akibat pembangunan dan pokok yang matang dengan ruang akar yang sangat kecil disebabkan keluasan ruang penanaman yang terhad menyebabkan ia tidak mampu menampung berat kanopi sekiranya berlaku angin kencang," katanya.

Tambahnya, persaingan kepentingan terhadap struktur dan kemudahan awam yang sedia ada juga menyumbang kepada gangguan pokok kerana kebanyakan akar yang diperlukan untuk tujuan sokongan (*anchorage*) telah dipotong untuk memberi laluan kepada pelebaran jalan, pembinaan longkang, pemasangan utiliti dan lain-lain serta faktor tanah tapak yang mampat dan berkualiti rendah.

Zulkifli berkata pihaknya sentiasa melaksanakan kerja-kerja penebangan sekiranya mendatangkan risiko kepada orang awam dan harta benda.

"Penyelia kawasan dan arboris bertaualiah akan melakukan pemantauan pokok daripada semasa ke semasa dan mengenal pasti pokok-pokok yang berisiko yang perlu diambil tindakan segera.

"Penebangan selalunya mengambil masa satu hingga tujuh hari bagi satu batang pokok bergantung kepada saiz dan kesukaran kerja termasuk pembersihan sisa sampah pokok," katanya. **WK**



ZULKIFLI

Suntik galakan cipta kejayaan lebih besar

Atlet, jurulatih WiPers terima lebih RM1 juta

DIANA AMIR

SERAMAI 358 atlet dan jurulatih kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) menerima insentif berjumlah RM1.096 juta atas aksi cemerlang di temasya yang berlangsung pada tahun ini iaitu Sukan Komanwel Birmingham, Sukan SEA Hanoi, Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 serta kejohanan dalam dan luar negara.

Insentif yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), **Datuk Seri Rosida Jaafar** itu membabitkan pemberian sebanyak RM115,000 bagi kontinjen yang menyertai Sukan Komanwel Birmingham diikuti Sukan SEA Hanoi (RM52,600), SUKMA ke-20 (RM905,600) serta RM22,500 untuk kejohanan dalam dan luar negara.

Rosida berkata insentif tersebut sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada pengorbanan yang dilakukan atlet WiPers tanpa mengira sama ada mereka masih

berada dalam program mahupun tidak.

"Mengimbau kembali pencapaian atlet WiPers sepanjang tahun ini, saya gembira apabila ramai yang berjaya mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dan Malaysia di pelbagai kejohanan dan temasya tempatan mahupun antarabangsa," kata beliau pada Majlis Penyampaian Insentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan 2022 yang berlangsung di Dewan Seri Siantan, Putrajaya, baru-baru ini.

Ujar beliau lagi, majlis tersebut turut menghargai atlet WiPers yang cemerlang pada kejohanan dalam dan luar Negara seperti Kejohanan Muaythai Dunia 2022, Liga Sepak Takraw 2022, Netball Super League (NSL) 2022 dan Kejohanan Bola Jaring Bawah 19 Tahun.

"Seorang pemanah WiPers, Alang Ariff Aqil Muhammad Ghazalli juga menerima ganjaran apabila berjaya memenangi pingat emas memanah dalam acara compound berpasukan lelaki pada



ROSIDA (tengah) menyampaikan insentif kepada sebahagian atlet SUKMA dalam temasya ke-20 baru-baru ini. Foto: MSWP

Sukan Perpaduan Islam Ke-5 yang telah diadakan di Konya, Turkiye Ogos lalu," jelas beliau.

Rosida berkata tahun ini juga SUKMA kembali diadakan selepas empat tahun tidak dianjurkan dan menyaksikan kontinjen WiPers meraih tempat ketiga dengan pungutan pingat 55 emas, 68 perak

serta 64 gangsa.

Tambah beliau lebih membanggakan apabila sebanyak tiga rekod baharu kebangsaan berjaya direkodkan dalam sukan renang acara 100 meter kuak kupu-kupu lelaki menerusi Bryan Leong dan dua lagi menerusi sukan kanu iaitu acara K2 500 meter wanita (Aisyah

Farhanah Azwan/Marina Muzaffa) serta K4 500 meter lelaki (Khairul Naim Zainal, Muhammad Baihaqi Md Yunus, Mohamad Nazrin Najib, Nik Afiq Nik Mazli) yang turut menerima insentif tambahan sebanyak RM1,000 setiap seorang.

LAGI BERITA DI MUKA 24

"Sebagai Ketua Kontinjen pada SUKMA ke-20 ini, saya melihat sendiri usaha dan kesungguhan dipamerkan setiap atlet WiPers yang turut serta pada temasya ini, namun nasib tidak menyebelahi kita apabila tidak dapat mencapai sasaran untuk muncul juara.

"Saya yakin atlet WiPers akan bangkit dan berusaha berlipat kali ganda bagi sama-sama bangkit mencipta kejayaan lebih gemilang pada SUKMA akan datang.

"Diharapkan insentif ini juga dapat dijadikan motivasi dan galakan kepada atlet WiPers untuk memberikan pencapaian yang lebih baik terus mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dan Malaysia di peringkat mana pun atlet kita bertanding." **WK**

42 'panic button' di lapan taman awam sekitar Kuala Lumpur

PRIHATIN dengan situasi yang tidak dijangka berlaku di taman-taman awam sekitar Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan 42 butang kecemasan atau 'panic button' untuk orang ramai menggunakan jika menghadapi kecemasan yang tidak diduga.

Kemudahan peralatan itu adalah usaha terbaru DBKL untuk meningkatkan tahap keselamatan warga kota ketika berada di lapan taman awam sekitar ibu kota.

Butang kecemasan itu adalah peralatan keselamatan tambahan selain daripada sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang sedia ada di taman awam.

"Sebanyak enam unit butang kecemasan ditempatkan masing-masing di Taman Tasik Titiwangsa, Taman Botani Perdana, Taman Tasik Permaisuri, Taman Tasik Metropolitan Kepong dan Taman Metropolitan Batu.

"Sementara itu empat butang kecemasan yang sama turut disediakan masing-masing di Taman Tasik Ampang Hilir, Taman Tasik Datuk Keramat dan Taman Tasik Manjalara empat unit panic button akan ditempatkan," katanya dalam kenyataan di Facebook.

Majlis Perasmian butang kecemasan itu disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, Datuk Azmi Abdul Hamid di Taman Tasik Titiwangsa baru-baru ini.

Kemudahan ini boleh digunakan oleh pelawat taman yang berada dalam situasi cemas atau berbahaya dan memerlukan bantuan segera untuk menyampaikan aduan.

Peralatan keselamatan itu berfungsi apabila butangnya ditekan. Isyarat kecemasan akan segera



AZMI menguji panic button yang disediakan di Taman Tasik Titiwangsa.



PANIC button akan menghubungkan terus bilik kawalan dan juga KLCCC sebelum bantuan diberikan kepada pengadu.

dihantar ke bilik pengawal dan akan diterima oleh pengawal atau renjer taman yang bertugas.

Saluran interkom yang dibina adalah platform komunikasi dua hala antara pengawal dan pengadu bagi membolehkan segala maklumat mengenai situasi kecemasan direkodkan.

Bantuan awal akan segera dihantar ke lokasi sementara menunggu ketibaan jabatan atau

agensi yang berkaitan bagi kesecemasan kategori berat.

Penduduk 1Razak Mansion jalani saringan kesihatan

SERAMAI 125 penduduk 1Razak Mansion menjalani saringan kesihatan sempena program anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Apartment 1Razak Mansion dengan kerjasama Klinik Kesihatan Salak Selatan dan Persatuan Penduduk 1Razak Mansion, pada 6 November lalu.

Pengerusi KRT Apartment 1Razak Mansion, **Norazizul Abdul Aziz** berkata program ini merupakan inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan atau National Health Screening Initiative (NHSI) bersama Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di bawah kandungan Teras 3, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu Kawalan Kesihatan Kendiri.

"Matlamat NHSI adalah mahu memperkasakan Kawalan Kesihatan Kendiri dan memastikan individu, keluarga dan komuniti mempunyai keupayaan, kemampuan serta kemahiran dalam menangani ancaman penyakit tidak berjangkit," ujarnya sejurus selesai program tersebut.

Tambah Norazizul, selain saringan kesihatan, penduduk juga berpeluang mendengar ceramah berkaitan kepentingan saringan kesihatan oleh Klinik Kesihatan Salak Selatan.

"Terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh ahli Jawatankuasa KRT dan persatuan yang terlibat kerana telah bertungkus-lumus membantu sehingga program ini berjalan dengan lancar dan jayanya," jelasnya yang juga merupakan Penggerusi Persatuan Penduduk 1Razak Mansion. **WK**



SEBAHAGIAN Penduduk 1Razak Mansion sedang menerima saringan kesihatan dari Klinik Kesihatan Salak Selatan.

49 kenderaan dilelong JPJ WPKL, hasil kutipan lebih RM280 ribu

SEBANYAK 49 jumlah kenderaan telah berjaya dilelong dengan kutipan keseluruhan sebanyak RM285,750 pada Lelongan Awam Kenderaan Sita Siri 2/2022 yang diadakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) bertempat di Dewan Merpati JPJ WPKL baru-baru ini.

Pengarah JPJ WPKL, **Mohd Zaki Ismail** berkata bahawa pada Siri 1/2022 yang berlangsung pada 28 Mac lalu, sebanyak 97 buah kenderaan sita dilelong dan berjaya mengutip sejumlah RM395,246.

"Ia terdiri daripada 91 buah kenderaan boleh dilesenkan manakala sebanyak enam buah kenderaan adalah merupakan kenderaan yang tidak boleh dilesenkan (*scrap*)."

"Lelongan Awam Kenderaan Sita Siri 2/2022 pada kali ini, melibatkan sebanyak 49 kenderaan sita, di mana 29 daripadanya meru-



SEKITAR suasana ketika sesi Lelongan Awam Kenderaan Sita Siri 2/2022 yang diadakan baru-baru ini.

pakan kenderaan boleh dilesenkan, dan 20 kenderaan lagi adalah kenderaan yang tidak boleh dilesenkan (*scrap*)," katanya.

Jelasnya pada lelongan kali ini, kenderaan yang tidak boleh dilesenkan (*scrap*) dibida dengan harga bidaan tertinggi adalah RM17,100

(Lori Rigid Tipper Dumper) manakala bagi kenderaan yang boleh dilesenkan, bidaan harga tertinggi adalah (Nissan Fairlady 350Z) dengan harga RM35,600.

"Jumlah hasil keseluruhan yang berjaya dilelong pada tahun ini (Siri 1 & 2/2022) adalah sebanyak RM680,996," ujarnya.

Mohd Zaki berkata hanya peserta-peserta yang telah membeli Dokumen Penjualan Lelong dan menandatangani perakuan menyertai lelongan sahaja yang dibenarkan mengambil bahagian dalam penjualan lelong tersebut.

"Pembida yang menawarkan harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan harga kenderaan adalah tertakluk kepada harga minimum yang ditentukan."

"JPJ berhak menarik balik mana-mana kenderaan jika pihak jabatan tidak berpuas hati atas harga yang ditawarkan atau tidak mencapai harga minimum seperti ditetapkan," katanya. **WK**

DBKL sedia garis panduan penggunaan fasiliti kempen PRU-15

BERSEMPENA dengan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Milik DBKL bagi penggunaan berkempen kepada semua calon parti politik yang berhasrat menggunakan fasilitinya.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, garis panduan ini disediakan sebagai rujukan berkaitan penggunaan dan penyewaan

fasiliti DBKL kepada calon parti politik untuk tujuan kempen PRU secara amnya serta memudahkan proses permohonan dan kelulusan.

"Calon parti politik dikehendaki membuat tempahan bagi tujuan penggunaan dan penyewaan fasiliti DBKL iaitu padang-padang awam, dataran awam dan kawasan lapang perumahan awam yang sesuai dan berada di bawah seliaan DBKL untuk dijadikan tempat berkempen.

"Calon parti politik dibenar

menggunakan mana-mana fasiliti DBKL yang diluluskan pada had maksima tiga hari penggunaannya secara berturut-turut atau pada tiga tarikh yang berbeza-beza untuk satu-satu lokasi.

"Mana-mana calon parti politik yang berminat untuk menggunakan fasiliti DBKL boleh membuat permohonan bermula 1 November 2022 dengan mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada Pengarah, Jabatan Pelepasan

dan Pembangunan Perniagaan (JPPP) DBKL. JPPP adalah Sekretariat kepada Jawatankuasa Pusat Setempat (*One Stop Centre*) PRU-15 di bawah pentadbiran DBKL," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah beliau, permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya tiga hari bekerja sebelum tarikh penggunaan.

"Fasiliti DBKL boleh mula digunakan pada 5 November 2022 dan berakhir pada 18 November

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm866@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@ayasanwp.org.my

2022 tepat pukul 11.59 malam.

"Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi OSC PRU-15 di talian **03-2028 2534** atau datang ke Bahagian Selatan, Tingkat 5, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Garis panduan tersebut boleh didapati di OSC PRU-15," katanya. **WK**

CERTA KEDAI KOPI

PRU: Air dicencang tak putus

NAMPAKNYA meriah sungguh Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15. Semua 222 kerusi parlimentar ditandingi oleh calon-calon parti dan tidak kurang ramai calon bebas ingin mencuba nasib.

Proses penamaan calon di seluruh negara dilaporkan berjalan lancar tanpa sebarang peristiwa tidak diingini. Kawan-kawan Kedai Kopi gembira mendengar berita ini. Ia menggambarkan setiap parti dan calon yang bertanding sudah matang dan bertoleransi.

Ini juga yang diharap sepanjang tempoh berkempen yang sedang berjalan sehingga pukul 11.59 malam 18 November, seterusnya hari membuang undi pada 19 November. Jangan ada kata mengata, cerca mencerca. Sebaliknya berkempenlah dengan adab sopan.

Nampaknya kali ini tidak ada calon yang menang tanpa bertanding. Itu cerita dahulu. Sebaliknya pertandingan kali ini melibatkan banyak penjuruh, sehingga ada yang sampai 10 penjuruh seperti kerusi Parlimen Batu di Kuala Lumpur.

Calon-calon Bebas juga bercambah ingin mencuba nasib. Ada yang bertanding bebas setelah digugurkan sebagai calon oleh parti. Mereka ini dikenali kerana sebelum ini sudah menjadi wakil rakyat beberapa penggal, atau menjadi menteri kabinet.

Tetapi lebih ramai calon Bebas yang tidak diketahui siapa, hanya muncul ketika penamaan calon. Tidaklah dapat dipastikan sama ada calon-calon ini semua serius untuk bertanding atau hanya suka-suka sahaja. Silap hari bulan boleh hilang deposit!

Apa pun bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini hak dan kebebasan masing-masing menawarkan diri bertanding asalkan layak. Ini amalan demokrasi yang dijunjung tinggi. Kalah atau menang soal lain. Sekurang-kurangnya kehadiran mereka menambah warna-warni PRU-15.

Begitu juga dengan pengundi, adalah menjadi hak mereka untuk memilih calon yang mereka hendak. Tiada dorongan, paksaan atau pujaan. Masing-masing berpeluang menilai calon dan membuat kesimpulan muktamad mana satu berkenan di hati.

Kadangkala dalam keluarga pun berlainan pilihan, apa lagi di kalangan saudara-mara, jiran-jiran atau kawan-kawan. Kelainan ini tidak seharusnya menjadi punca yang boleh merenggangkan hubungan atau silaturahim. Lagi pun undi itu rahsia. Jangan dijaja atau diceritakan.

Insyah-Allah jika semua orang menghormati kebebasan memilih, tiada pergeseran atau masam muka. Kita semua mestilah menjadi air, yang jika dicencang tidak akan putus. Apa juga perbezaan tidak akan merosakkan hubungan baik selama ini di kalangan ahli keluarga, saudara-mara atau teman-teman.

Persaingan merebut kerusi adalah di kalangan sesama rakyat Malaysia, jadi bertandinglah dalam suasana kemesraan, penuh harmoni dan semangat.

perpaduan yang menjadi teras kehidupan muhibah selama ini.

Inilah konsep slogan Keluarga Malaysia. Sebagai keluarga, bersainglah secara sihat dan mesra. Tidak perlu bercarakaran. Tunjukkan kepada dunia bahawa kita menjunjung tinggi semangat kesopanan dan keserasilaan seperti termaktub dalam Rukun Negara.

Henti jual Peranti Siswa

KERAJAAN

melaksanakan Program PerantiSiswa bertujuan memberi peranti secara percuma kepada mahasiswa untuk memudahkan proses pembelajaran pada era teknologi ini. Sasaran utama pemberian adalah anak keluarga B40.

Tetapi sayangnya apabila sudah diberi, peranti dijual pula untuk mendapat untung atas angin. Ini sikap segelintir mahasiswa yang tidak tahu menghargai kemudahan diberi sedangkan pemberian tersebut untuk meringankan beban pelajar yang kurang mampu membeli peranti sendiri.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KMM) bertindak selaku agensi penyelaras bagi Program PerantiSiswa ini. Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, sehingga 500,000 permohonan peranti diterima daripada mahasiswa.

Memetik Menteri KMM sementara, Tan Sri Annuar Musa, daripada setengah juta permohonan itu, sebanyak 300,000 diluluskan. Dijangka jumlah ini akan ditambah dalam fasa pemberian seterusnya dengan matlamat murni memastikan mahasiswa yang memerlukan tidak tercincir.

Yang menyedihkan, setelah diperoleh, ada yang

menjual peranti itu pada harga lebih murah. Mereka begitu berani menjual secara terbuka online. Penjualan ini nyata melanggar aku janji yang telah dibuat semasa memohon.

Menurut aku janji tersebut, pemohon adalah daripada keluarga B40 dan peranti tersebut adalah untuk kegunaan sendiri. Ertinya ia tidak boleh dijual atas apa alasan sekali pun kerana ia tidak boleh berpindah tangan atau dimiliki oleh orang lain.

Mahasiswa yang menjual jelas tidak menghargai sumbangan murni kerajaan. Kerajaan mengambil berat keperluan golongan B40 khususnya sehingga sedia membelanjakan banyak wang semata-mata memastikan mahasiswa mempunyai peralatan yang diperlukan agar dapat belajar dengan lebih sempurna.

Sehingga ini sudah banyak kes penjualan ini dikesan oleh pihak berwajib. Peranti ini sebenarnya mempunyai pelbagai setting yang siap terbina, atau built in. Antaranya dapat mengesan jika peranti tersebut digunakan oleh orang lain. Dari situah penjualan dapat dikesan. Tindakan boleh diambil terhadap mahasiswa terlibat.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, menjual peranti adalah tidak beretika. Seolah-olah sudah ada niat lain ketika memohon, iaitu untuk menjual dan mendapat untung. Perbuatan ini hanya melepaskan peluang ramai lagi pemohon yang benar-benar memerlukan tetapi tercincir.

Jika penerima tidak mahu gunakan, elok pulangkan peranti itu agar boleh diagih kepada yang memerlukan. Jangan dijual. Kawan-kawan Kedai Kopi berharap hentikan segera perbuatan buruk ini. Kenapa minta jika tidak mahu gunakan?



KOTA KINABALU

TERENGGANU

LANGKAWI

PENANG

TEBUS SEKARANG
**RM50
BAUCAR**

SEBELUM 15 NOVEMBER

Tempoh perjalanan : SEKARANG - 31 Dis 2022


TOURISM RECOVERY PLAN 2022 (PRE 2.0)

INISIATIF DARIPADA KERAJAAN MALAYSIA

Tawaran adalah terhad. Tertakluk pada terma dan syarat

batikair.com.my

Apabila Sudirman pilih Chow Kit



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

PADA 36 tahun lalu saya antara lebih 100,000 warga kota berada dalam sejarah konsert terbuka paling besar di negara ini – Konsert Sudirman di Chow Kit. Sebuah konsert oleh penyanyi paling berpengaruh di kawasan tumpuan masyarakat marginal popular di ibu kota adalah manifestasi sosial yang unik.

Sudirman boleh sahaja memilih lokasi lain yang lebih selesa – Stadium Merdeka misalnya. Banyak konsert bertaraf mega diadakan di stadium yang ada catatan dalam sejarah kemerdekaan itu. Akan tetapi pemilihan Chow Kit adalah manifestasi kedudukan Sudirman yang menghubung semua kaum serta pelbagai garis sosial dalam masyarakat.

Keberadaan saya dalam himpitan warga kota yang sangat melelahkan bukanlah untuk menonton persembahan Sudirman. Bayangkan dalam lebih 100,000 warga kota itu, apakah yang boleh disaksikan di pentas yang jaraknya terlalu jauh? Tidak nampak apa pun kecuali kepala manusia.

Keadaan sangat tidak selesa – di atas jalan Tuanku Abdul Rahman dalam keadaan yang haba panas mencengkam akibat terlampaui sesak. Penonton berasak-asak bagaiakan ikan sardin dalam tin. Hinggakan hendak mengangkat tangan pun tidak boleh, apa lagi hendak bergerak. Maka awal-awal lagi saya butangkan saku belakang untuk mengelak pencopek merembat dompet.

Saya hanya mahu berada dalam sejarah penyanyi paling hebat membuat persembahan percuma di kawasan tumpuan masyarakat di bawah garis sosial di ibu kota. Bagi saya itu memberikan kenyataan sosial yang menarik tentang Kuala Lumpur, budaya popular dan kawasan marginal yang senama dengan ibu kota.

Daripada pengamatan peristiwa malam itu saya menyimpulkan berdirinya Sudirman di atas jejantas melampaui remeh-tehem dunia hiburan yang sering dilingkarkan kepadanya. Sudirman memancarkan ciri-ciri yang luar

biasa. Beliau keluar jauh dari belenggu murahan yang menjadi dukungan kapitalis.

Sudirman adalah jambatan sosial yang menghubungkan kaum dengan kaum dan pelbagai lapisan sosial. Keberadaan penyanyi ini di Chow Kit melampaui retorik sang politikus yang bertaraf tikus hanya berdegar-degar menjelang pilihan raya.

Ternyata sejarah yang tercatat itu tidak berulang untuk kedua kalinya. Bukti 36 tahun selepas Sudirman berkonsert di Chow Kit memang banyak penyanyi yang datang dan pergi silih berganti. Bagaimanapun tidak berulang konsert seumpama yang zahirkan Sudirman.

Malah banyak juga artis ternama yang takut untuk melintas kawasan Chow Kit kerana bimbang dianggap berkelas rendah. Padahal tinggi atau rendah diukur pada ketinggian berfikir di luar lingkaran yang kecil.

Melalui konsert pada 4 April 1986 itu Sudirman graduan undang-undang Universiti Malaya memberikan suatu hasil yang tidak pernah terfikirkan sebelumnya. Malah hasil daripada ‘idea gila’ itu melampaui yang banyak orang fikir mengenai Sudirman yang meninggal dunia pada 22 Februari 1992.

Pada hari biasa tempat diadakan konsert itu merupakan hentian bas mini kerana banyak laluan terpaksa merentas Chow Kit yang sentiasa sesak. Saban hari sebelum matahari menjelmaan pula sudah berduyun-duyun mengerumuni pasar basah yang menjadi antara yang popular di Kuala Lumpur.

Kenapa dinamakan Konsert Chow Kit? Padahal Chow Kit hanya sebatang jalan yang pendek dan kecil. Jalan Chow Kit hampir tidak dikenali sekalipun banyak yang menyebut ‘Jalan Chow Kit.’ Umum memahami Jalan Chow Kit bukannya jalan tetapi satu kawasan di sekitar pasar basah Chow Kit.

Walaupun banyak surat khabar menganggarkan 100,000 penonton akan tetapi banyak juga yang menjangka jauh lebih besar daripada itu. Ketika Sudirman menganjurkan Konsert Chow Kit, tidak ada konsert percuma di Kuala Lumpur.

Sekalipun begitu sambutan yang sangat luar biasa itu bukan disebabkan konsert percuma. Tarikan utamanya kerana



KONSERT Chow Kit mendapat sambutan luar biasa kerana Sudirman ketika itu berada di puncak kegemilangan dan diminati oleh semua kaum.

“Pada dekad 1980-an, Chow Kit adalah tempat tumpuan masyarakat marginal di Kuala Lumpur. Chow Kit juga menjadi manifestasi pergulatan sosial yang sangat tenat – segala macam penyakit sosial bercambah dan membiak subur di situ. Tanyalah apa sahaja – pelacur, penyeluk saku, samseng Melayu malah penjaga jaga kereta yang memeras ugut. Semuanya ada di Chow Kit.

Sudirman sendiri yang ketika itu berada di puncak kegemilangan – diminati oleh semua kaum. Tidak pernah lagi saya melihat sebuah konsert dihadiri oleh semua kaum – hanya Sudirman adalah satu-satunya yang berjaya menzahirkan hal itu.

Ketika terperangkap dalam lautan manusia yang berhimpit-himpit bermula di bangunan syarikat buku Pustaka Antara dan Bangunan UMNO lagi, saya melihat akan luar biasanya sejarah yang tercipta. Anak semua bangsa berasak-asak untuk berada sedekat yang mungkin dengan jejambar yang dipasangkan pentas di atasnya.

Sebenarnya ketika pentas masih kosong lagi pun manusia telah padat dan tidak ada

semua. Lagu itu dinyanyikan sebagai pembuka tirai konsertnya di Chow Kit.

Saya terpegun sekali gus terpesona dengan sketsa sosial yang berlaku secara langsung di depan mata saya malam itu adalah ekspresi anak semua bangsa terhadap seorang yang sangat berpengaruh.

Saya percaya idea Sudirman mengadakan konsert di Chow Kit untuk memperlihatkan satu kelompok sosial yang terlindung daripada pandangan penguasa waktu itu. Selain penyakit sosial yang tenat, Chow Kit juga tidak dipelihara dengan baik.

Malah bukan suatu yang luar biasa kalau Chow Kit menjadi sinonim antara lenggang pelacur tua pada tengah malam buta serta hanyir longkang yang berkeladak. Demikian Chow Kit terapung kerana penyakit sosial dan kebersihan yang terabai.

Hingga kini penyakit sosial di Chow Kit terus membiak dan seolah-olah terlepas daripada pandangan penguasa.

Di sebalik muncul sebagai lubuk pakaian *bundle*, Chow Kit masih lagi menjadi lokasi utama penagih bertaraf mayat hidup, anak-anak kecil bergelandangan dan wanita-wanita yang telah diratah usia terus sibuk dengan profesion di lorong malam.



AKHIR YANG BAIK

“Ya Allah, akhirilah hidup kami dengan pengakhiran yang baik dan jangan Kau akhiri hidup kami dengan pengakhiran yang buruk.”

Seperti daun di musim gugur di ranting merenda awan di tanah menghampar kolaj tatkala lupus meresap ke dalam akar tunas-tunas baharu dan kembali hidup, lagi menghidupkan.

Ibnu Din Assingkiri
Batu Kawan, Pulau Pinang.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Noktah isu kesesakan jalan raya di KL

KUALA Lumpur dan kesesakan jalan raya berpisah tiada. Fenomena inilah yang dihadapi oleh warga kota saban hari ibarat 'menu' dalam kehidupan. Pergi kerja, balik kerja atau bergerak melakukan apa juar urusan di ibu kota sering terjebak dalam deretan kenderaan yang bertali arus menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk.

Masuklah jalan atau lorong mana, atau cuba mencari laluan alternatif, semua sama. Kenderaan ada di mananya, kerana masing-masing berfikiran hampir sama cuba meloskan diri daripada himpitan kenderaan lain.

Memang sangat menyiksa apabila terperangkap dalam kesesakan, apatah lagi jika tidak bergerak langsung. Ada pula pergerakan 'bumper to bumper' kerana terlalu rapat sehingga pergerakan seperti kura-kura berjalan. Malah mungkin kura-kura lebih laju dalam kesesakan di ibu negara!

Kesesakan memang boleh mengganggu emosi, jiwa dan perasaan. Kalau ada darah tinggi, tekanan darah pun boleh naik. Sudahlah sesak, ada pemandu berperangai tidak sopan, membunyikan hon sesuka hati sambil mencelah ke kiri kanan membahayakan pengguna jalan lain. Mereka sahaja tahu hendak cepat, tidak peduli keselamatan orang lain.

Dalam senario serba meruncing ini, Adi menyambut baik langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL 2040), yang disempurnakan oleh Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah baru-baru ini.

Memetik laporan Wilayahku, pelan induk tersebut akan berfungsi sebagai panduan dan cadangan mengenai perancangan isi padu trafik yang diselaraskan dengan pembangunan guna tanah di Kuala Lumpur.

Pelan tersebut juga mengutarakan cadangan rangkaian infrastruktur jalan raya baharu di samping menaik taraf infrastruktur jalan sedia ada. Adi difahamkan, jika ini dilaksanakan dan digunakan secara optimum, proses penyurauan aliran trafik di ibu negara dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Secara menyeluruh, matlamat teras PITKL 2040 ialah mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur untuk jangka panjang. Aspek ini sangat penting kerana jika pada waktu ini pun kesesakan lalu lintas sudah begitu serius, bayangkan apa yang mungkin berlaku dalam beberapa tahun



PITKL 2040 memberi fokus untuk menghubungkan lebuh raya serta menaik taraf jalan sedia ada.

akan datang.

Kerana itu jalan penyelesaian jangka panjang perlu dicari walaupun ia mungkin menghadapi kekangan kerana faktor pertambahan penduduk dan kenderaan yang begitu pesat serta faktor guna tanah yang hampir mencapai tahap maksimum.

Tidak banyak lagi simpanan tanah di ibu negara untuk membina jalan baharu atau melebarkan jalan sedia ada kerana keluasan tanah kian terhad. Mana lagi untuk kegunaan pembangunan lain seperti perumahan, sekolah, masjid dan sebagainya.

Sebenarnya pembinaan atau pelebaran jalan, juga pembinaan lebuh raya tidak banyak membantu mengatasi masalah kesesakan kerana pertambahan kenderaan yang lebih pantas setiap hari, setiap bulan dan setiap tahun.

Projek menambah baik

jalan atau membina lebuh raya mengambil masa beberapa tahun. Dalam tempoh itu, jumlah kenderaan sudah meningkat dengan banyak. Maka masalah akan kembali kepada asal.

Kerana itu bagi Adi langkah DBKL tidak membenarkan pembinaan lebuh raya di Kuala Lumpur sehingga 2040 adalah sangat wajar kerana dibimbangi ia tidak membantu mengatasi masalah, tetapi hanya menambah kesesakan di ibu kota.

Sebaliknya berdasarkan PITKL 2040, tumpuan akan diberi untuk menghubungkan lebuh raya sedia ada serta menaik taraf jalan sedia ada.

Difahamkan, sehingga kini DBKL sudah mengenal pasti 50 sambungan yang boleh dilaksana serta sembilan jalan utama perlu dilebarkan. Jika kesemua projek ini dilaksana dengan efektif, proses

SKETSA



“Bagi Adi, tidak kurang penting ialah orang ramai sendiri perlu mengubah set minda yang selama ini tertumpu kepada kenderaan sendiri. Kini minda mesti lebih ditumpu kepada pengangkutan awam. Namun ini mesti diringi dengan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien, memenuhi keperluan dan cita rasa orang ramai.

penyurauan trafik di Kuala Lumpur dijangka berjalan lancar serta memberi manfaat jangka panjang.

Antara jalan yang dalam perancangan dinaik taraf ialah Jalan Sentul Pasar; Jalan Dutamas 2; Jalan Segambut Dalam; Jalan Duta Kiara dan Jalan Sri Pencala. Kesemua ini merupakan laluan sibuk di ibu negara.

Namun satu aspek yang sangat menuntut perhatian ialah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan orang ramai. Nisbah masa kini iaitu 25:75 bagi penggunaan pengangkutan awam dan berkenderaan sendiri adalah jauh dari memuaskan. Sasaran menjelang tahun 2025 ialah 50:50. Sasaran 10 tahun kemudian ialah 60:40 sebelum meningkat kepada 70:30 menjelang 2040.

Adi nampak pelan ini realistik. Namun yang lebih penting ialah memastikan bagaimana sasaran ini boleh dicapai. Pihak DBKL perlu mengambil kira kedudukan pengangkutan awam ketika ini yang masih belum cukup efisien menyebabkan ramai mengelak menggunakanannya.

Antara kelemahan utama ialah pengangkutan awam seperti bas dan teksi masih tertakluk kepada keadaan lalu lintas. Masih terbelenggu dengan masalah kesesakan. Akibatnya boleh menjelaskan jadual perjalanan ke tempat kerja atau untuk urusan lain kerana waktu ketibaan dan sampai ke destinasi sukar diramal.

Lantaran itu ramai masih memilih membawa kenderaan sendiri ke tempat kerja walaupun sedar jalan sesak. Mereka lebih rela bangun awal dan bergerak awal kerana pada awal pagi kenderaan belum begitu banyak, perjalanan lebih lancar.

Pengangkutan awam yang dianggap lebih dipercayai ialah Transit Aliran Ringan (LRT) dan Mass Rapid Transit (MRT) kerana mempunyai laluan sendiri, sama ada di atas jalan

atau jalan bertingkat (*elevated*). Kerana itu waktu perjalanan lebih tepat dan ramai memilih menggunakanannya.

Namun perkhidmatan ini belum menyeluruh di Kuala Lumpur. Usaha menambah rangkaian akan dilakukan, termasuk di kawasan Wangsa Maju. Menjelang Januari 2023, rangkaian MRT ke Putrajaya dijadual beroperasi sepenuhnya. Bolehlah ke pusat pentadbiran persekutuan itu, tidak perlu berkenderaan sendiri.

Namun untuk menggalakkan lebih ramai menggunakan LRT atau MRT, sistem sokongan perlu ditambah baik. Misalnya tempat parkir ditambah, atau menyediakan kawasan parkir di suatu kawasan tertentu dengan perkhidmatan bas pengantara atau *feeder bus* lebih kerap. Masalah parkir ini antara punca orang ramai malas menaiki tren.

Bagi bas pula, DBKL perlu memikirkan dengan serius menyediakan laluan khas seperti suatu ketika dahulu di mana laluan disediakan untuk bas Intrakota. Ini akan membantu perjalanan lebih lancar yang seterusnya mendorong orang ramai menaiki bas. Bolehkah ini dilaksanakan kembali?

Bagi Adi, tidak kurang penting ialah orang ramai sendiri perlu mengubah set minda yang selama ini tertumpu kepada kenderaan sendiri. Kini minda mesti lebih ditumpu kepada pengangkutan awam. Namun ini mesti diiringi dengan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien, memenuhi keperluan dan cita rasa orang ramai.

Kuala Lumpur sudah terlalu sesak dipenuhi kenderaan. Ini boleh membantutkan usaha menjadikan Kuala Lumpur Bandar Rendah Karbon. Biarlah Kuala Lumpur terus maju dan makmur tanpa kesakan lalu lintas dan terhindar daripada pencemaran karbon berlebihan.

Adi Feah

SAJAK

HIPOKRASI

Ketika kami-kami melutut di kaki lima di kantor gedangmu mengadu kisah hidup susah dan nafas sesak engku penuh ghairah dengan muka dua, muka keruh muka licin ekor berkedal bertanya — mana kopiku?

ABUYON

Paka, Terengganu.

Bantu persediaan awal ke IPT

YWP, MSWP fokus kebajikan atlet

DIANA AMIR

BAGI memastikan atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) terus cemerlang dalam pelajaran, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turut menyediakan Bantuan Awal IPT kepada mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Bantuan tersebut merupakan sumbangan YWP ke arah pembangunan sukan serta akademik untuk memastikan atlet WiPers berada dalam kategori berpengetahuan sekali gus mampu bersaing dalam pasaran kerja pada masa hadapan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, lebih dari 25 atlet WiPers yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dipilih

menerima bantuan kali ini.

"Kita menerima permohonan daripada atlet setiap tahun yang mana dalam masa yang sama YWP juga akan terus bekerjasama dengan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) membantu meringankan beban mereka untuk persediaan ke IPT," ujar beliau.

Bantuan diberikan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM1,500 bagi peringkat Ijazah Sarjana; RM1,000 Ijazah Sarjana Muda dan RM500 Diploma.

Terdahulu, bantuan tersebut disampaikan pada Majlis Penyampaian Insentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan 2022 bertempat di Dewan Seri Siantan, Putrajaya, baru-baru ini.

Sementara itu, mengulas tentang Program Sumbangan Peranti Komputer Kepada Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM), Zaizalnizam berkata ia merupakan



KETUA Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar (tengah) bersama Zaizalnizam (kiri) menyampaikan Bantuan Awal IPT kepada salah seorang atlet yang terpilih.

kan kali pertama diadakan YWP bersama Air Selangor dan akan diteruskan bersama badan korporat yang lain.

"Air Selangor telah menyumbang sebanyak 70 buah

alat peranti komputer kepada tujuh PREPKOM di bawah jagaan YWP yang mana ia merupakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di bawah tema 'Sesama Mara' Air Selangor.

ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000 	Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8887 7000 Aduan : 03-8887 3000 	Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852 	Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489
---	---	--	---

"Ia juga merupakan inisiatif untuk membantu masyarakat serta mengukuhkan hubungan dengan komuniti setempat, persatuan penduduk, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). W.K

600 sertai larian sokong perjuangan pesakit kanser anjuran pelajar KUPTM KL

HAZIRAH HALIM

KIRA-KIRA 600 peserta dalam kalangan pelajar Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTM KL), kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) serta orang ramai menyertai acara Larian DashHero Run 2022 yang berlangsung di Laman MBPJ, baru-baru ini.

Larian sejauh lima kilometer (km) itu merupakan Projek Tahun Akhir pelajar semester enam Diploma Komunikasi Korporat yang turut berkolaborasi dengan acara Hari Tanpa Kenderaan MBPJ (MBPJ Free Car Day).

Menurut Penasihat program DashHero Run 2022, **Nathasya Mohd Kamal**, projek tersebut berjaya dilaksanakan seperti yang telah dirancang dan mendapat penyertaan



PESERTA Larian DashHero Run 2022 berjaya mengharungi cabaran sepanjang lima kilometer.

menggalakkan daripada orang ramai.

"Selain daripada memenuhi kriteria keperluan akademik dan melengkapkan tugas projek, program ini juga diadakan sebagai tanda sokongan terhadap perjuangan

pesakit kanser selain membantu meningkatkan kesedaran dan kepekaan orang ramai terhadap penyakit ini.

"Alhamdulillah, segalanya berjalan lancar. Rata-rata peserta terlibat menunjukkan rasa

semangat yang mana seawal pulak 6.30 pagi lagi mereka sudah berkumpul di sini dan kita juga lihat kesungguhan mereka untuk menamatkan larian.

"Saya harap program seperti ini dapat dianjurkan lagi dan lebih ramai yang akan menyertai kerana acara larian seperti ini merupakan salah satu gaya hidup sihat," katanya kepada Wilayahku.

Sementara itu, pelajar KUPTM KL, Meor Harith, 22, mengakui berasa teruja apabila dapat beriadah kembali selepas segala acara terhenti susulan wabak COVID-19.

"Hari ini kami bukan sahaja dapat berlari sejauh lima km tetapi kami juga diberi pendedahan terhadap penyakit kanser selaras dengan matlamat utamanya memberi sokongan terhadap perjuangan pesakit itu," ujarnya. W.K

YWP anjur program sahsiah, pupuk semangat perpaduan

DEEL ANJER

BUKAN hanya menfokuskan tentang bantuan kepada masyarakat semata-mata, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) juga turut menitikberatkan pembangunan sahsiah masyarakat dalam jiwa warga Wilayah Persekutuan.

Untuk itu, pelbagai aktiviti dianjurkan YWP sepanjang tahun melibatkan masyarakat setempat antaranya ceramah Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Korban Perdana YWP, Majlis Hari Raya Aidilfitri Lebaran D'YWP dan banyak lagi.

Menurut Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat YWP, **Muhammad Syafiq Imran Md Basrah**, aktiviti tersebut bukan sekadar untuk menambah ilmu pengetahuan tetapi ia juga dapat

merapatkan lagi silaturahim.

"Biasanya kita akan memanggil agamawan yang bertaualah untuk memberi ceramah dan sebagainya. Mereka ini adalah individu yang tepat dalam memainkan peranan penting untuk mendidik masyarakat.

"Aktiviti yang kita anjurkan ini juga bersesuaian dengan semua lapisan umur dan bukan tertumpu kepada golongan tertentu sahaja. Kita juga dapat lihat ia turut mendapat sambutan daripada orang muda," ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya lagi, bila adanya hubungan yang rapat maka segala info, ilmu dan lain-lain boleh sampai secara terus. Hal itu secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah berbangkit.

"Masyarakat juga akan lebih memahami isu-isu melibatkan



ANTARA program berbentuk keagamaan yang menghimpunkan barisan penceramah popular yang dianjurkan YWP.

kepentingan rakyat apabila golongan agamawan ke depan," ujarnya mengharapkan orang ramai tidak ketinggalan mengikuti sebarang acara yang dianjurkan.

YWP juga turut merapatkan lagi silaturahim Keluarga Malaysia tanpa mengira agama dengan menganjurkan acara seperti Jom Shopping

Deepavali sempena perayaan tersebut baru-baru ini.

"Kita mahu seluruh warga wilayah hidup bersatu padu dan aman harmoni tidak kira bangsa maupun agama kerana jalinan erat yang terjalin dapat mewujudkan semangat perpaduan yang kukuh," katanya. W.K

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

Rodakota

11 - 17 NOVEMBER 2022 . Bil 190

Wilayah Ku



Taman Rimba Alam Putrajaya

Hutan hujan tropika buatan

JOM terokai hutan hujan tropika di Taman Rimba Alam, Putrajaya. Pengembaraan akan membawa pencinta alam semula jadi mengenali lebih kurang 400 spesies pokok hutan tropika buatan berusia kurang 30 tahun ini.

Pengunjung tidak perlu pergi jauh meredah hutan simpan di seluruh Malaysia untuk melihat pokok seperti *Koompassia excelsa* (tualang), *Shorea marcoptera* (melantai) dan banyak lagi pokok hutan hujan tropika lain kerana semuanya ada di dalam hutan yang terletak di tengah bandar Putrajaya.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Hayatilah khazanah alam di Putrajaya



**FOTO: AMIN FARIJ HASAN
AINI MAWAWI**

DARI MUKA 9

BERKELUASAN hampir 400 ekar, Taman Rimba Alam Putrajaya terletak di Presint 14 dan 15 merupakan salah satu daripada 12 buah Taman Metropolitan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Taman ini diilhamkan sebagai 'showcase' atau peragaan sebuah taman yang menempatkan kepelbagaiannya spesies hutan hujan tropika. Sebahagian besar dari hutan yang dibangunkan terdiri

daripada spesies pokok Hutan Tanah Pamah (*Lowland Dipterocarp Forest*) termasuk buluh, rotan dan palma.

Menurut Pengarah Jabatan Landskap dan Taman Bahagian Botani Perbadanan Putrajaya (PPj), **Mohd Tajuddin Idris**, pembangunan Taman Rimba Alam Putrajaya merupakan sesuatu yang unik.

"Buat pertama kalinya dalam negara ini menyaksikan sebahagian daripada ladang getah dan kelapa sawit asal di Sedgeley Estet dan Prang Besar Estet ditransformasikan kepada hutan bandar tropika (*tropical urban forest*).

"Ia bertujuan untuk rekreasi, penyelidikan dan pembelajaran. Langkah ini merupakan salah satu usaha pemuliharaan dalam kawasan pembangunan Putrajaya. Sehingga kini lebih kurang 400 spesies pokok hutan telah ditanam dengan jumlah penanaman melebihi 95,000 pokok," ujarnya.

Perasmian Taman Rimba Alam telah disempurnakan oleh Allahyarham Datin Paduka Seri



MOHD TAJUDDIN

Jeanne Abdullah pada 31 Oktober 2008 lalu yang mana ketika itu beliau turut menanam sebatang pokok Tualang (*Koompassia excelsa*) di tepi kolam berdekatan pintu masuk taman.

Tambahnya lagi konsep pembangunan Taman Rimba Alam adalah 'CARE' iaitu *conversation* (pemuliharaan), *awareness* (kesedaran), *recreation* (rekreasi) dan *education* (pendidikan).

Kawasan ini adalah model penanaman lama rumah 'homegarden'. Dirian pokok buah

yang ada termasuk buah-buahan hutan nadir yang kurang dikenali dan sentiasa menjadi tarikan pelawat.

"Spesis ditanam antaranya Machang (*Mangifera quadrifida*), Durian Batang (*Durio malaccensis*), Kedongdong (*Dacryodes costata*), Tampoi (*Baccaurea griffithii*) dan Kandis (*Garcinia cowa*)," ujarnya.

Bagi pengunjung yang ingin meneroka hutan ini, mereka akan disambut dengan deretan pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*), Jelutong (*Dyrea costulata*) dan Kapur (*Dryobalanops aromatica*) di pintu masuk utama sebelum memulakan





pengembalaan.

"Terdapat empat laluan jelajah bermula Laluhan Jelajah 1 hingga Laluan Jelajah 4 yang akan memberi pelbagai info berkenaan spesies pokok yang terdapat di sini. Antara yang menarik pada sesi Jelajah 1 ialah pengunjung dapat menjelaki pokok Keruing Kipas (*Dipterocarpus costulatus*) yang dikategorikan sangat terancam.

"Laluhan Jelajah 2 akan membawa pengunjung meneroka dengan lebih mendalam laluan yang membawa ke puncak tertinggi taman. Mereka juga disarankan untuk membawa dan menyapu ubat penghalau nyamuk di sepanjang penerokaan," ujarnya.

Tambahnya lagi, antara spesies menarik yang akan ditemukan pada laluan ini adalah Tongkat Ali Hitam (*Polyalthia bullata*), Kembang

Semangkuk Jantong (*Scaphium macropodum*) dan Kekatong (*Cynometra malaccensis*).

"Tongkat Ali Hitam antara spesies tongkat ali yang sukar diperolehi dan tinggi nilainya. Keseluruhan tumbuhan ini mempunyai nilai perubatan, terutama pada akarnya. Secara tradisi, ia digunakan untuk menguatkan tenaga batin lelaki, buah pinggang, penyakit darah tinggi dan kencing manis," ujarnya.

Perasaan pasti berubah apabila mula menyelusuri laluan Jelajah 3. Bunyi unggas dan landskap persekitarannya membuatkan pengunjung terlupa sebenarnya mereka berada di tengah bandar raya Putrajaya.

"Di sepanjang laluan, akan dapat melihat beberapa spesies pokok yang diancam kehilangan habitat iaitu Penarahan (*Horsfieldia superb*) dan

Belian (*Eusideroxylon zwageri*).

"Pokok Penarahan mengandungi *horsfiline alkoid* yang mempunyai kesan analgesik yang mana ia selalu digunakan dalam perubatan tradisional oleh masyarakat di Asia Tenggara," jelasnya.

Di Jelajah 4 yang merupakan laluan terakhir, pengunjung perlu berhati-hati kerana di sini terdapatnya babi hutan dan monyet. Untuk itu, dinasihatkan pergi pada waktu siang secara berkumpulan.

"Di sini terdapatnya habitat rotan Manau (*Calamus Manan*) yang merupakan satu-satunya spesies rotan yang semakin sukar ditemui akibat penerokaan hutan yang berleluasa.

"Jika bernasib baik, dapat melihat kecantikan bunga pokok Gapis (*Saraca thaipingensis*) harum kembang di atas dahan dan ranting," ujarnya lagi. WK



AKTIVITI TARIKAN PENGUNJUNG

SELAIN meneroka keindahan khazanah alam semula jadi sambil mengenali spesies pokok yang terdapat di Taman Rimba Alam, lokasi yang turut mempunyai laluan berkuda ini juga sering menjadi tumpuan pengunjung untuk beriadah.

Antara aktiviti lain yang dilakukan di sini selain merentas denai terutamanya ketika hujung minggu adalah jogging, berbasikal, memerhati burung, berkelah serta berkhemah di lokasi yang telah ditetapkan.

Pengunjung juga boleh melakukan aktiviti-aktiviti khas anjuran individu atau melalui tempahan antaranya lawatan berpandu (*guided tour*), *orienteering*, kem motivasi dan sebagainya.

Mengulas lanjut tentang aktiviti di taman tersebut, Mohd Tajuddin berkata setakat ini, perkhemahan bermalam tidak dijalankan memandangkan tiada kelengkapan fasiliti seperti tandas dan sebagainya.

"Pun begitu, kita akan menambah baik fasiliti dari semasa ke semasa. Setakat ini, di Taman Rimba Alam ini, kita mempunyai

sebuah tandas yang terletak di bahagian hadapan taman," ujarnya.

Antara kemudahan lain yang terdapat di taman ini adalah kawasan perkelahan, denai alam (*forest trail*), kawasan pemandangan (*view point*) yang menarik dan juga tempat teduhan (*shelter*).

Tambahnya, Taman Rimba Alam ini adalah salah satu lokasi yang dijaga daripada pencerobohan kerana pada masa akan datang ia akan menjadi hutan simpan yang akan terus dipelihara.

INFO

TAMAN RIMBA ALAM

Alamat:
Presint 15, Putrajaya

Hubungi:
03-8887/7135
03-8887/5026(faks)
www.putrajaya.gov.my

Waktu lawatan:
7 pagi – 7 petang



ROHAIMY

" TAMAN Rimba Alam ini merupakan laluan wajib bagi aktiviti berbasikal kami. Paling best sebab pendakian dia panjang yang mana akan berakhir di tangki air. Saya suka laluan berbukit kerana ia mencabar."


ROHAIMY RAHIM
Penunggang basikal



TARMIZI

" KALAU berbasikal di sekitar Putrajaya, saya pasti akan datang ke sini. Lokasi ini bukan sahaja menarik kerana dikelilingi alam semula jadi namun dalam masa yang sama selamat dan bebas daripada kenderaan."

TARMIZI HUSSIN
Penunggang basikal



SHAHRIAM
Penunggang basikal

" LOKASI ini merupakan salah satu kawasan berbukit yang tinggi di sekitar Putrajaya untuk aktiviti ini.

Pada pandangan saya, Putrajaya dan kawasan sekitar merupakan tempat terbaik untuk aktiviti berbasikal!"



SHAHRIAM



KETUA Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan & Sosio Ekonomi) KWP, Datuk Parang Abai @ Thomas menyempurnakan Majlis Penyampaian Incentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan 2022 di Dewan Seri Siantan, Putrajaya pada 3 November lalu.



Turut hadir Pengarah Eksekutif (Perancangan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk TPr Sulaiman Mohamed; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun; Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Datuk Ramli Askolani dan Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri.



PERBADANAN Putrajaya (PPj) menerima sebanyak 1,118 penyertaan bagi Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya (PFPP) 2022 yang bermula dari 15 Februari dan berakhir pada 30 Jun lalu. Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada Majlis Penyampaian Hadiah PFPP 2022 bertempat di Dewan Seri Melati, Putrajaya pada Rabu.



RUMAH Terbuka Deepavali anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan kaum India seperti tarian tradisional serta penghasilan kolam dan diserikan dengan kehadiran Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini.



SYARIKAT Air Selangor yang diwakili Ketua Jabatan Komunikasi Korporat (Air Selangor), Elina Baseri menyumbangkan 70 alat peranti kepada tujuh Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) di bawah jagaan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Hadir sama Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama & Teknologi (P.E.S.A.T) YWP, Zahrulail Abdul Rahman mewakili Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.



Kerana rabun, Kelly Azman sedih ditinggalkan kekasih hati



DEEL ANJER

SEDIH pula dengar kisah penyanyi **Kelly Azman** yang pernah ditinggalkan bekas kekasih gara-gara dia rabun.

Katanya, bekas kekasih yang juga seorang pramugari itu mahukan lelaki kaya serta mempunyai penampilan menarik.

Kelly Azman berkongsi pengalaman yang dilaluinya itu menerusi lagu *Dustakan Cinta* ciptaannya bersama komposer Mohariz Yaakup, manakala lirik juga ditulisnya bersama MJ dan KR.



Kami putus cinta apabila dia (bekas kekasih), mahukan saya bertugas sebagai pramugara. Dia mahu kami memiliki kerjaya yang sama.

"Tapi, saya tidak lepas kerana masalah rabun mata. Jadi, dia tinggalkan saya untuk mencari lelaki yang lebih kaya dan berkedudukan," katanya.

Menurut Kelly lagi, kemunculannya menerusi lagu *Dustakan Cinta* ini diharap dapat membuka mata pihak yang selama ini memandang rendah terhadapnya.

"Saya bangga kerana orang melihat saya dari sudut relevan. Sebelum ini, orang hanya pandang rendah. Memang saya bukan jenis penyanyi power vocal. Tapi, alunan vokal saya sedap didengar.

"Untuk membawakan lagu ini, saya turut mendapatkan khidmat Cikgu Azreen yang pernah mengajar vokal untuk penyanyi-penyanyi lain," katanya.

Lagu *Dustakan Cinta* ini sudah pun boleh didengar di semua platform penstriman muzik digital.

Sebelum ini Kelly popular menerusi lagu *No No No* serta dua lagu raya berjudul *Kepulangan Di Hari Raya* dan *Nikmat Di Hari Raya*. **W.K**

Siti Nurhaliza bantu masyarakat, penduduk Gaza menerusi konsert

USAHA penyanyi nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** untuk terus membantu masyarakat sentiasa menjadi inspirasi ramai.

Bukan sahaja prihatin terhadap nasib rakyat tempatan, tetapi Siti juga telah membuka sebuah pusat menghafaz Al-Quran diberi nama Afwa & Aafiyah, Oktober lalu di Gaza, Palestin.

Seumia itu direalisasikan menerusi Yayasan Nurjiwa yang diusahakan Siti bersama suaminya, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa.

Sekali lagi impian pelantun lagu *Cindai* dan *Aku Bidadari Syurgamu* menjadi kenyataan apabila menjayakan konsert amal *Music Of The Soul: An Evening With Dato Sri Siti Nurhaliza* pada 5 dan 6 November lalu di Plenary Hall, Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).

Siti memaklumkan bahawa dia sangat

terharu dengan sambutan yang diberikan oleh semua peminat yang hadir ke konsert tersebut.

"Saya sangat terharu dengan sambutan, sebab ini adalah persembahan eksklusif bagi mengutip dana buat Yayasan Nurjiwa, memang impian saya untuk meneruskan yayasan ini sampai bila-bila. Daripada awal saya menggunakan duit sendiri, buat beberapa acara selain bekerjasama juga dengan Kitafund."

"Koncert ini sangat istimewa kerana atas anjuran Yayasan Nurjiwa dan mendapat respons yang sangat bagus," katanya.

Dalam konsert itu, Siti Nurhaliza menyampaikan 18 buah lagu sempena *Music of The Soul* antaranya *Warna Dunia*; *Diari Hatimu*; *Anta Permana*; *Aku Bidadari Syurgamu*; *Melawan Kesepian*; *Seloka Budu*; *Senyum Minang Manis*; *Nian Di Hati*; *Segala Perasaan*; *Lebih Indah dan Bukan Cinta*

Tembusi pasaran antarabangsa, Idan Aedan janji tak lupa diri

PELAKON **Idan Aedan** atau nama sebenarnya Muhammad Shahidan Abdullah, 18, melakar sejarah industri seni apabila menjadi pelakon pertama tempatan yang membintangi siri *Netflix* antarabangsa.

Malah, dalam siri 13 episod berjudul *Mr. Midnight: Beware The Monsters* yang telah menjalani penggambaran di Batam, Indonesia dan Singapura pada pertengahan 2021 itu, dia diberi kepercayaan membawa watak utama sebagai Tyar.

"Saya bersyukur diberikan peluang sebesar ini. Dalam masa yang sama, saya tak pernah terbayang untuk sampai ke tahap itu. Umur saya baru 17 tahun ketika itu. Rezeki saya. *Alhamdulillah*.

"Saya sedar, bukan mudah untuk pelakon tempatan diberikan peluang sebegini. Rasa macam mimpi pun ada. Tidak dinafikan, bekerja dengan produksi antarabangsa adalah antara impian saya. Dapat pula berlakon dalam drama bergenre kesukaan saya iaitu seram," ujarnya yang teruja dapat bekerja dengan tiga pengarah dan

para pelakon yang hebat dari luar negara iaitu Tony Tilse, Sean Oliver dan Yee-Wei Chai.

Idan juga turut bergandingan dengan pelakon remaja popular dari Australia iaitu Caleb Monk, Chen Yixin, Nikki Dekker dan Maxime Bouttier.

"Ia bukanlah pencapaian saya seorang. Selama lapan tahun dalam industri, saya rasa bertuah kerana sentiasa disokong keluarga, pihak pengurusan, semua yang terlibat dalam industri dan pemintar.

"Siapalah saya tanpa mereka. Saya berjanji pada diri tidak akan lupa diri sebaliknya terus menghargai jasa serta pengorbanan mereka," katanya.



menubuhkan sekolah.

"Dalam masa yang sama, Yayasan Nurjiwa juga tidak melupakan insan yang tidak berasib baik di Malaysia seperti mangsa banjir selain membantu pembinaan masjid dan sebagainya.

"Atas sebab itu, kami tidak pernah menutup tabung yang diwujudkan Yayasan Nurjiwa agar bantuan boleh diberikan secara berterusan dan setiap masa. Bukan hanya ketika negara ditimpah musibah," ujarnya.





SUASANA malam di Ayer 8 meriah dengan kunjungan pengunjung bermain basikal, bersiar-siar sambil menikmati pemandangan indah Masjid Besi.

Nikmati angin malam di Ayer 8 Putrajaya



HAZIRAH HALIM

PUTRAJAYA merupakan destinasi wajib singgah bagi pelancong yang datang dari dalam maupun luar negara kerana keistimewaannya yang tersendiri. Memiliki keunikan reka bentuk bangunan serta keindahan landskap taman dan tasik, maka tidak hairanlah ia sering dikunjungi saban waktu.

Salah satu lokasi santai yang mendapat perhatian pengunjung adalah di Ayer 8. Bukan sahaja dihidupkan dengan aneka restoran dan butik pakaian, di sini juga pengunjung boleh menyewa pelbagai jenis basikal, beca dan sebagainya.

Tinjauan Wilayahku mendapati lokasi tersebut semakin meriah pada sebelah malam dengan kunjungan pengunjung bersama kaum keluarga untuk bersantai selain menyewa basikal untuk bersiar-siar di persisiran tasik.

Berkongsi tentang kemeriahan kawasan tersebut, kakitangan kedai sewa perkhidmatan basikal Bubbles & Beans, **Muhammad Haziq Mohd Fauzi**, 25, berkata lokasi tersebut biasanya sesak dengan pengunjung



MUHAMMAD HAZIQ

ketika hujung minggu.

"Alhamdulillah sambutan terhadap perkhidmatan sewa basikal amat menggalakkan serta mendapat respons daripada pengunjung yang kebanyakannya suka bersiar-siar sambil menikmati pemandangan indah Masjid Besi."

"Kami menawarkan harga yang berpatutan iaitu serendah RM10 bagi 15 minit pertama untuk kereta api kanak-kanak serta beberapa jenis basikal lain yang ada di sini.

"Bagi basikal untuk dua penumpang pula misalnya, ia berharga RM65 bagi 30 minit kayuhan," ujarnya menjelaskan

Bubbles & Beans dibuka setiap hari bermula pukul 4 petang sehingga 12 malam.

Katanya lagi, mereka juga turut menyediakan lebih daripada tiga jenis basikal buat kanak-kanak dan dewasa antaranya motorbasikal, basikal tandem, *tricycle*, skuter dan pelbagai lagi mengikut kesukaan dan pilihan masing-masing.

Mengulas dari segi keselamatan pula, Muhammad Haziq berkata, pengunjung boleh menukar basikal atau menambah masa jika berlaku kerosakan selain pihaknya juga sedang merancang untuk menambah baik sistem dengan mewujudkan imbasan kod QR pada setiap basikal.

"Insy Allaah selepas ini ia akan

memudahkan pengunjung untuk berhubung dengan pekerja Bubble & Beans sekiranya berlaku kerosakan ketika sedang menunggang basikal," katanya.

Bukan sahaja menerima pengunjung dari sekitar Putrajaya tetapi ada juga yang datang dari luar seperti Perak, Melaka dan Johor bagi menghabiskan masa hujung minggu bersama keluarga.

"Bagi mereka yang belum lagi berkesempatan ke sini, anda dialukan untuk singgah kerana ia merupakan lokasi santai yang sesuai untuk seisi keluarga," ujarnya lagi.

PELBAGAI PILIHAN MAKANAN

ANTARA tarikan lain yang terdapat di Ayer 8 adalah kawasan ini mempunyai deretan kedai makan yang terdiri daripada cita rasa tempatan, barat, timur tengah dan pelbagai lagi.

Biasanya kedai makan di sini meriah dengan pelanggan. Antara yang popular adalah Ayam Gepuk Pak Gembus, Mee Rebus Haji Wahid, Bawal Sempoi dan sebagainya.

Bukan itu sahaja, bagi pelancong yang datang dari luar kawasan, mereka juga boleh menginap di hotel-hotel atau rumah penginapan homestay di sekitar Putrajaya.

Menurut pandangan penulis, usaha Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk menjadikan kawasan ini sebagai salah satu lokasi tumpuan pelancong di Putrajaya dilihat berjaya. **W.K**



BUTIK tudung dan makanan antara tarikan lain yang terdapat di Ayer 8, Putrajaya.



REAKSI

"SAYA datang dari Seremban untuk berkumpul dengan adik-beradik yang duduk berlainan negeri. Kami memilih Putrajaya kerana di sini kemudahannya cukup lengkap seperti parkir kendaraan banyak, tempat makan menarik selain suasannya lebih santai."



HAZLI HAMZAH, 43
Pengunjung

"MEMANDANGKAN saya membesar dan menetap di Putrajaya jadi saya sudah biasa menjadi pemandu pelancong untuk kawan-kawan yang datang dari negeri lain dan semestinya Ayer 8 adalah destinasi pilihan saya."



WAN SARAH HANAN WAN MOHD HILMI, 21
Pengunjung

"TEMPAT ini sangat bagus untuk ibu bapa membawa dan meluangkan masa bersama anak-anak terutama hujung minggu setelah sibuk bekerja. Saya memang selalu mencari tempat seperti ini untuk membawa anak-anak lagipun ia tidaklah jauh daripada rumah di Bandar Seri Putra."



NABILA MUSTAMA, 33
Pengunjung



ORANG ramai boleh mengunjungi Cava Cafe yang terletak di Medan Selera Penanggah, Taman Warisan Pertanian, Presint 16, Putrajaya untuk merasai sendiri kenikmatan rasa Cava Detox.

Cava Detox perkenal tujuh perisa menarik



HAZIRAH HALIM

TREND air detoks menjadi semakin popular sejak kebelakangan ini. Dikatakan ia mampu menyingsirkan toksin dan kotoran daripada tubuh sekali gus dapat menurunkan berat badan.

Menyedari permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat, Cava Cafe yang terletak di Taman Warisan Pertanian, Putrajaya turut mengeluarkan tujuh perisa air detoks yang dikenali sebagai Cava Detox.

Ia diinspirasikan daripada 13 tanaman herba yang terdapat di Dusun Taman Warisan Pertanian antaranya serai, halia, pegaga, bunga telang, bunga kantan, ulam raja, gula enau, bunga kembang pagi, cengklik, belimbing, markisah dan delima.

Bercerita lanjut tentang Cava Detox, Pengurus Besar Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PutraKop), **Suzita Tusirin** berkata tujuh perisa tersebut adalah gabungan air putih yang dicampur buah-buahan, sayur-sayuran dan herba.

"Ia terdiri daripada Citrus Ulam Raja; Purnama; Melonia; Manis-Manis Jambu; Klebang Coco, Geliga Ruby dan Detox Semusim yang mana setiap satunya dibuat daripada lebih tiga ramuan herba.

"Menariknya, Cava Detox yang dihasilkan daripada tanaman herba semula jadi ini kaya dengan vitamin C dan mineral yang sesuai untuk diminum oleh semua lapisan umur," ujarnya menjelaskan Cava yang membawa maksud kopi dalam bahasa Latin.

Katanya lagi, seperti semua sedia maklum, fakta yang dikeluarkan



CAVA Detox terdiri daripada tujuh perisa yang diinspirasikan daripada 13 tanaman herba di Dusun Taman Warisan Pertanian, Putrajaya.

Jabatan Perhutanan Malaysia mengatakan beberapa jenis tumbuhan atau herba sama ada di hutan atau di sekeliling penempatan manusia mempunyai nilai pengubatan yang tersendiri.

"Misalnya kaedah perubatan tradisional menggunakan pokok herba adalah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat sejak zaman-berzaman," ujarnya lagi.

Permintaan terhadap Cava Detox yang diperkenalkan sejak 14 Oktober lalu di Cava Cafe mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelanggan yang rata-ratanya mengakui rasanya yang sedap dan segar.

"Alhamdulillah respons yang kita terima begitu baik sekali. Ramai yang suka dengan rasanya. Malah kita mampu menjual lebih 1,000 botol Cava Detox sejak kafe ini dibuka," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menurut Suzita, antara perisa yang sering menjadi pilihan ramai adalah Melonia yang mana ia adalah campuran buah-buahan seperti markisah, tembakai, delima, daun pudina dan pati bunga halia.

"Sementara Geliga Ruby pula adalah campuran daripada daun pandan, serai, herba, kulat putih dan lain-lain. Bagi mereka yang tak makan sayur mungkin selepas meminum Geliga Ruby mereka akan mula menyukai sayur," ujarnya menjelaskan pihak Cava Cafe akan memberi penerangan secara ringkas tentang Cava Detox kepada pelanggan.

PERKENAL AIR DETOKS DI PUTRAJAYA

BARU sahaja dirasmikan 31 Oktober lalu oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud, Cava Cafe merupakan satu-satunya kedai yang menjual minuman detoks di Putrajaya.

"Dengan harga berpatutan serendah RM7 sebotol, Cava Detox juga dijual pada harga RM6 secawan. Selain itu, terdapat juga pelbagai jenis minuman lain antaranya teh tarik, teh o



ais, milkshake dan sebagainya," ujarnya merancang mengeluarkan minuman kopi berbentuk mocktail coffee.

Selain Cava Cafe, terdapat lebih 10 premis dan 20 kios makanan dan minuman yang terdapat di Medan Selera Penanggah yang turut menyajikan pelbagai menu popular antaranya Laksa Ikan Sekoq dan Itik Salai.

Terdahulu, majlis perasmian turut dihadiri Pengurus PutraKop, Khalilurrahman Kamaruz-Zaman.

WK

INFO | CAVA CAFE

Alamat: Medan Selera Penanggah, Taman Warisan Pertanian, Presint 16, Putrajaya
Waktu Operasi: 8 pagi hingga 10.30 malam (Isnin-Ahad)
Harga: RM7 sebotol



Perangi semua bentuk judi dan elakkan korup iman

DR AIZAN ALI@
MAT ZIN

MUTAKHIR ini, perkembangan teknologi era IR4.0 telah mengubah bentuk tradisi judi kepada bentuk yang lebih moden sehingga berjaya mengelirukan ramai umat Islam yang cetek pemahaman tentang judi. Kekeliruan timbul apabila judi telah memakai pelbagai 'topeng' dan menukar bentuk seperti permainan, jual beli dan cabutan bertuah. Pusat-pusat judi sering diserbu dan disita kerana beroperasi secara haram apabila tidak mendapat lesen daripada kerajaan tempatan. Adakah ini bermakna, terdapat judi yang halal? Oleh itu, tidak hairan jika aktiviti perjudian masih berkembang maju seiring dengan kecanggihan teknologi dan tampil lebih 'bergaya' dan 'mempesona' dengan nama dan wajah terkini.

Ironinya, teknologi ini memudahkan kaki judi berjudi dengan menggunakan aplikasi dalam talian seperti GDBet333 di *Tik Tok* sebagai yang diviralkan baru-baru ini. Majoriti masyarakat tidak suka dengan judi namun ia bazerlainan dengan golongan yang mengaut keuntungan di atas kejahilan dan nafsu serakah kaki judi yang sanggup berbuat apa sahaja demi kelangsungan aktiviti ini dan keinginan untuk cepat kaya dengan mudah tanpa usaha keras membanting tulang empat kerat di bawah terik mentari mahupun dalam kesejukan pendingin hawa.

Hakikatnya, isu judi bukan baru dalam ketamadunan manusia amnya dan kita rakyat Malaysia khasnya. Malah umat Islam mengetahui hukum judi yang haram dan perlu dijauhi. Dr Yusuf Al-Qaradhawi berkata dalam kitabnya al-Halal wa al-Haram fi al-Islam (halaman 493): Setiap permainan yang



bermatlamatkan perjudian hukumnya haram. Perjudian tidak terlepas daripada unsur keuntungan dan kerugian dalam permainan yang dilakukan oleh manusia.

Walau bagaimanapun, masih terdapat masyarakat Islam yang terlibat secara langsung dengan permainan judi ini tanpa disedari pada peringkat awal penglibatan kerana terpedaya dengan kelicikan nama dan bentuk baru sebuah perjudian. Apabila pihak berkuasa agama dan golongan agamawan menguar-uarkan nama-nama dan bentuk-bentuk judi yang baharu, kesedaran timbul dan ada yang berjaya meninggalkannya dan berhenti daripada aktiviti tersebut.

GOLONGAN AGAMAWAN

MALANGNYA, masih ada segelintir umat Islam yang lain sudah ketagihan judi dan sukar menjauhinya kerana korupsi iman dan takwa kepada Allah SWT. Ironinya, masih ada golongan yang cuba menghalalkan cara dan amalan judi demi kepentingan perniagaan dan kelangsungan politik mahupun kehidupan. Pilihan di tangan kita Keluarga Malaysia: Berhenti atau sengaja mencari padah? Tepuk dada tanya iman.

Judi didefinisikan oleh Kamus

Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat sebagai permainan dengan memakai wang dan lain-lain sebagai taruhan (main ceki, main dadu, dan lain-lain). Contoh-contoh judi turut diberikan oleh kamus ini seperti judi karan, judi tikam ekor, judi wawei. Judi karan merupakan sejenis permainan judi yang memakai kuasa elektrik (nombor ditunjukkan oleh bola yang mengenai keping-keping besi).

Judi tikam ekor pula bermaksud taruhan yang ditikam pada tiga (atau empat) angka terakhir daripada nombor loteri lumba kuda. Manakala judi wawei adalah sejenis permainan judi dengan menikam pada salah satu daripada 36 jenis gambar binatang.

Al-Quran Al-Karim menyebut judi sebagai al-maysir. Ia terkandung dalam dua surah iaitu Al-Baqarah dan Al-Maidah melalui tiga ayat yang berbeza. Firman Allah SWT yang bermaksud: *Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah : Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar berbanding manfaatnya; dan mereka bertanya pula kepadamu (wahai Muhammad) apakah yang mereka akan belanjakan, katakanlah: yang boleh dari keperluan kamu;*

demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir. (Surah Al-Baqarah: 219).

Selain daripada ayat ini, surah Al-Maidah: ayat 90 merupakan satu lagi penegasan Allah SWT kepada orang-orang beriman agar menjauhi arak, judi, pemujaan berhala, mencuba nasib dengan batang-batang anak panah kerana kesemua amalan tersebut diharamkan oleh Islam. Hikmah pengharaman turut dinyatakan dengan jelas dalam ayat berikutnya yang bermaksud: *Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil?).* (Al-Maidah: Ayat 91-Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzuk).

Selanjutnya, kalimah Al-Maysir dalam bahasa arab dan ia disebut dalam Al-Quran adalah pecahan daripada kata kerja 'yasara' yang bermaksud mudah dan senang. Kamus Al-Mu'jam Al-Wasit cetakan ketiga (Halaman 1108) mendefinisikan al-maysir sebagai Al-qimar iaitu permainan orang Arab dengan busur panah, atau permainan dengan kole dalam setiap perkara. Perkataan Al-qimar dalam kamus yang sama merujuk kepada semua jenis permainan yang melibatkan taruhan. Ia adalah pecahan daripada kata kerja qamara sama seperti qamar yang diterjemahkan sebagai bulan dalam bahasa Malaysia.

Sayyid Qutb dalam tafsirnya Fi Zilal Al-Quran (Juz 7: Halaman 983) ada menyebut bahawa judi adalah amalan jahiliah yang telah diwarisi oleh individu dan masyarakat Islam. Lantas Allah SWT menurunkan wahyu berkaitan hukum amalan

judi dan gesaan terhadap orang-orang Islam agar (wajib) menjauh dan meninggalkannya. Beliau berpendapat kaedah membendung warisan jahiliah ini tidak akan berjaya malah sia-sia sekiranya ia tidak dimulakan dari akar umbi pertumbuhannya. Manhaj Rabbani hendaklah disuburkan dalam minda dan jiwa anak-anak demi pembentukan Tasawwur Islam yang sahih dan kenal dengan Tuhan. Rentetan itu, generasi rabbani memahami 'do's and don'ts' di sisi Allah SWT. Apabila kefahaman yang jitu terbentuk di minda, mudah bagi mereka membuka mata untuk hidup bebas dan merdeka daripada amalan judi warisan jahiliah ini.

MANHAJ RABBANI

SELAIN daripada dalil Al-Quran tentang pengharaman judi, terdapat hadis Rasulullah SAW memberikan tips apabila berdepan dengan kaki judi atau sesiapa yang mengajak berjudi. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Barangsiaapa yang berkata pada temanya: marilah kita berjudi/bertaruh, maka hendaklah dia bersedekah.* (Riwayat Al-Bukhari: No 4860)

Ayah Keluarga Malaysia perangi judi dalam semua bentuk dan medium dengan menyebar luas 'identiti judi' kepada generasi baru agar mereka tidak terus menerus mewarisi budaya yang memudaratkan semua pihak termasuk individu, keluarga, masyarakat dan negara. Keluarga Malaysia mesti bersatu padu dan tidak boleh hidup seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing, sebaliknya hidup sepakat membawa berkat, hati kuman sama diciah hati gajah sama dilapah.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di aizan@um.edu.my.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLY HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Fenomena *Darksid*e: Cegah sebelum parah



**DR AZMAWATY
MOHAMAD NOR**

DARKSIDE juga dikenali sebagai DS dalam kalangan remaja dan muda-mudi adalah satu gejala sosial yang perlu dibendung dan sedang berleluasa di Malaysia. Ramai ibu bapa, suami isteri atau sesiapa sahaja bila terbaca singkatan nama *Darkside* iaitu DS mungkin terfikir ianya adalah akronim kepada Dewan Selera, *Dropship* dan pelbagai nama lain. DS atau *Darkside* mengikut terjemahan kamus membawa maksud sebahagian atau sisi inividu, kumpulan dan aktiviti yang memberikan kesan buruk, tidak bermoral dan membahayakan. Setiap individu mungkin tidak memperkenan keseluruhan keperibadian kepada dunia malahan ada sisi yang disimpan rapi. Ciri-ciri keperibadian atau personaliti yang dianggap tidak menyenangkan atau tidak sesuai cenderung untuk disembunyikan dari pengetahuan ramai.

Carl Jung dalam Teori Psikoanalisis, menyatakan bahawa setiap individu mempunyai personaliti yang positif dan negatif. Kualiti positif yang dipamerkan kepada dunia luar dikenali sebagai 'pesona' manakala personaliti yang menunjukkan sisi gelap ini dilambangkan sebagai 'bayangan' dan ianya boleh mempengaruhi kehidupan individu dalam pelbagai cara. Fikiran dan perasaan yang dilabelkan secara berbahaya atau tidak menarik ini secara tidak sedar sering diketepikan (*repress*).



PERANAN yang penting perlu dimainkan oleh semua pihak dalam mendidik rakyat Malaysia bagi membendung masalah ini dari menjadi barah dalam masyarakat.

Bagi memenuhi perasaan yang bergelora dan membuka-buka dengan keinginan fisiologi, ramai dalam kalangan anak-anak remaja, penuntut di universiti dan dewasa muda telah terjebak dengan DS dan menjadi sebahagian dari kumpulan yang lebih dikenali sebagai Komuniti DS di *platform Twitter*. Medium ini telah pun disalahgunakan bagi menyampaikan berita palsu, fitnah selain khidmat langganan seks. Di sini, setiap ahli komuniti DS dalam *Twitter*, bebas menyatakan *alter-ego* dan membuat pengakuan sisi gelap yang berbeza dari dunia sebenar tanpa sebarang sekatan dengan menggunakan akaun *Twitter* palsu.

Akaun DS dibanjiri dengan teks berbaur lucu, gambar-gambar yang menghairahkan, dijadikan tempat melampiaskan nafsu serakah dan wujud kejadian di mana ianya berakhir di ranjang dan kemungkinan berlaku curang terhadap pasangan sekiranya telah bernikah. Modus operandi adalah berkenalan di

Twitter diikuti dengan teks yang berunsur seks, menunjukkan gambar masing-masing dalam keadaan yang menjolok mata tanpa seurat benang dan sekiranya suka sama suka, maka mereka akan diajak untuk mengadakan hubungan intim atau seks. Perkara ini dianggap sebagai situasi menang-menang (*win-win situation*) kerana dua individu dapat melepaskan keinginan seks tanpa perlu ada komitmen dan rasa tanggungjawab. Gejala sosial ini bukan sahaja dalam kalangan anak-anak muda tetapi juga wujud segelintir isteri dan suami yang menjalankan hubungan seks bebas dengan orang lain melalui medium akaun DS *Twitter* ini.

Penyalahgunaan media sosial dan pengaruh rakan sebaya merupakan antara faktor yang terus menjerumuskan anak-anak muda ini dalam kancang gejala sosial. Selain itu, dunia tanpa sempadan, maklumat di hujung jari membolehkan semua maklumat diterima tanpa ditapis.

Pengaruh budaya barat mula diterapkan dalam konteks kehidupan anak-anak muda ini. Malahan mereka ini berbangga di usia muda telah pun melakukan hubungan terlarang. Siapakah yang hendak dipersalahkan? Di manakah sifat malu yang sering dikaitkan dengan budaya kita? Gejala sosial perlu dibendung dari peringkat awal. Gejala akaun DS telah wujud dan ramai ibu bapa dan komuniti di luar sana yang tidak sedar tentang penularan virus baru yang wujud dalam masyarakat kita pada hari ini. Tambahan lagi, hasil siasatan dan pemerhatian dalam laman *Twitter* kumpulan DS ini, mereka tanpa segan silu dan perasaan penuh bangga bercerita tentang pengalaman berkongsi gambar bogel dengan orang lain tanpa memikirkan kesan pada diri di masa hadapan.

Penularan virus DS yang membunuh jiwa anak-anak remaja dan dewasa muda amat merbahaya kerana mereka adalah harapan negara di masa hadapan. Komuniti DS di *Twitter* merupakan satu eksloitasi seksual yang wujud. Lebih menakutkan sekiranya ia menjadi satu tempat pornografi kanak-kanak dan menggalakkan dua individu atau lebih yang terlibat dalam aktiviti seks bebas heteroseksual dan homoseksual. Ini boleh mengakibatkan peningkatan penyakit kelamin dan penularan HIV dalam kalangan muda-mudi di Malaysia, selain peningkatan kes pembuangan bayi.

Dalam era globalisasi, remaja pada zaman ini melalui proses tumbesaran yang berbeza dengan golongan remaja terdahulu. Pendidikan berterusan mengikut proses perkembangan remaja itu sendiri perlu diterapkan dari awal. Ibu ayah

perlu sentiasa peka dan mendidik mereka dengan nilai-nilai murni sedari awal. Itu sahaja tidak mencukupi, mereka perlukan tumpuan dan kasih sayang yang berterusan. Sistem sokongan keluarga perlu dipertingkatkan melalui aktiviti yang mereka laksanakan serta kenalilah siapa rakan anak-anak kita. Sikap ambil tahu perlu diwujudkan semula.

Kaunseling merupakan salah satu medium membantu individu mendapat celik akal dan mendidik remaja serta orang ramai tentang sesuatu perkara, kesan dan implikasi terhadap mereka. Ramai yang beranggapan bahawa kaunseling hanyalah untuk membantu mereka yang mempunyai isu atau masalah sahaja. Tanggapan itu tidak tepat sama sekali kerana kaunseling adalah satu medium untuk membimbing dan mendidik tentang bahaya akaun DS dan kesan terhadap diri dan keluarga melalui kaedah psikopendidikan.

Sekiranya dilaksanakan dalam kumpulan, kaunselor dapat mendidik ilmu yang berkaitan dan boleh digunakan dalam program Pencegahan. Peranan perlu dimainkan oleh semua yang berkepentingan dalam mendidik rakyat Malaysia bagi membendung masalah ini dari menjadi barah dalam masyarakat. Tindakan dari pihak berkuasa juga diperlukan untuk membantu usaha ini dan membanteras jenayah seksual yang semakin berleluasa.

PENULIS merupakan Kaunselor Berdaftar dan Pensyarah Kanan, Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di azy_mn@um.edu.my.

JTM, UKM meterai perjanjian melalui Projek Pemerkasaan Program dan Produk ILJTM

IRTS DR RODZIDAH MOHD RODZI

JABATAN Tenaga Manusia (JTM) menandatangani satu memorandum perjanjian (MOA) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Projek Pemerkasaan Program dan Pengkomersialan Produk Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), baru-baru ini.

Kerjasama strategik ini disempurnakan di bawah Program Pemerkasaan Kompetensi Akademik Siswa (PKAS), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), UKM bermula pada 25 April 2019 hingga 24 April 2022.

Inisiatif MOA ini bertujuan memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau dikenali sebagai *Technical and Vocational Education Training* (TVET) di ILJTM seiring dengan perkembangan Industri 4.0.

Menurut Ketua Pengarah JTM, **Shakib Ahmad Shakir**, kolaborasi ini telah membuka peluang kepada pelajar ILJTM untuk menerima bimbingan daripada penyelidik UKM di samping meneroka potensi



SHAKIB (dua kiri) bersama Kalaivani Chellappan (dua kanan) ketika sesi Projek Pembentangan Laporan Akhir Projek Pemerkasaan Program dan Pengkomersialan Produk ILJTM.

jaringan kerjasama dengan pelbagai institusi.

"Jalinan strategik ini menumpukan kepada aspek inovasi pelajar JTM dalam menghasilkan produk berdasarkan industri yang diketengahkan bagi tujuan pengkomersialan," katanya.

Pada 28 September 2022 bertempat di Ibu Pejabat JTM Putrajaya, pihak PKAS, FKAB, UKM yang diketuai oleh Pengarah PKAS, FKAB, Profesor Madya Ts Dr Kalaivani

Chellappan telah membentangkan Laporan Akhir MOA sebagai penutup kepada kerjasama yang dimeterai.

Menurut Kalaivani Chellappan, MOA selama tiga tahun ini telah memberi ruang kepada penyelidik UKM meneroka potensi teknologi kejuruteraan dalam pendidikan TVET di ILJTM.

Beliau mendapat teras Pendidikan TVET ILJTM berfokus kepada program berteknologi tinggi yang sesuai untuk melahirkan

graduan TVET yang berdaya saing dalam mendepani keperluan teknologi Industri 4.0.

Selain itu, beliau turut mengutarakan bahawa kebolehan dan kemahiran dalam kalangan pelajar ILJTM perlu dikongsi dengan pihak industri yang sesuai dari semasa ke semasa.

Pembentangan akhir projek merangkumi aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh tiga tahun kerjasama. Hasil dapatan kajian dan cadangan penambahbaikan telah diusulkan bagi memperkasa latihan di ILJTM.

Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang MOA dimeterai:

1. Pertandingan Teknopreneur TVET ILJTM (2019);
2. Cabaran TVETpreneur Remaja UKM-JTM (2020);
3. Webinar MyCareer Future (2021);
4. ToT Pemerkasaan Teknologi IR 4.0 - PERKASA TP01 (2021);
5. ToT Pendekatan Projek Bersepadu - PERKASA TP02 (2021);

Secara keseluruhan, seramai 842 orang peserta telah terlibat dalam menjayakan kesemua program yang dianjurkan dengan pecahan 481 orang tenaga pengajar ILJTM, 274 orang pelajar ILJTM, 70 orang awam dan 17 orang wakil daripada Ibu Pejabat JTM.

Jelas beliau, segala dapatan, saran dan cadangan penambahbaikan yang dibentangkan akan diteliti dan dibincangkan dalam merangka strategi serta program penambahbaikan pada masa hadapan.

Usaha ini bertujuan memastikan program TVET di ILJTM sentiasa relevan dan berdaya saing selari dengan perubahan teknologi selain merangka program-program baharu yang dapat melahirkan bakat tersedia masa hadapan.

Komuniti nelayan jadi mata, telinga untuk jaga keselamatan dan ketenteraman awam



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KOMUNITI nelayan merupakan mata dan telinga bagi penyaluran maklumat kepada Agenzia Pengurusan Maritim Malaysia (APMM) dalam memastikan keselamatan serta ketenteraman perairan negara sentiasa terpelihara.

Pengarah Zon Maritim Labuan Kepten Maritim, Nudin Jusoh berkata penyaluran maklumat daripada komuniti nelayan di pulau ini amat diperlukan dalam menyalurkan sebarang maklumat kepada pihaknya untuk memastikan

ketenteraman perairan negara.

Katanya, menyedari kepentingan itu pihaknya telah mengadakan Program Sahabat Maritim bersama komuniti itu bagi mengeratkan hubungan di antara dua pihak.

"Program ini merupakan satu gerbang dalam mengeratkan lagi hubungan di antara Maritim Malaysia dengan komuniti nelayan tempatan serta meluaskan lagi jaringan komunikasi antara dua pihak.

"Dengan pengajuran program itu juga ia turut menjadi medan bagi mendengar sendiri permasalahan yang dihadapi komuniti terutamanya dalam bab perundangan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Sahabat Maritim yang diadakan di Balai Raya Kampung

Pohon Batu, pada Ahad lalu.

Sehubungan itu, Nudin berharap dengan usaha itu dapat membentuk satu jalinan hubungan serta komunikasi yang baik di antara Maritim Malaysia dengan komuniti supaya dapat bersama-sama menjaga perairan negara agar terus kekal aman dan selamat.

Program itu yang dihadiri kira-kira 300 orang termasuk anggota penguat kuasa dan masyarakat kampung turut diadakan taklimat keselamatan, pameran kerjaya dan pemeriksaan kesihatan dan beberapa pertandingan kanak-kanak.

Pada program sama, APMM turut menyampaikan jaket keselamatan serta sumbangan bakul makanan kepada golongan asnaf, ibu tunggal dan warga emas. WK



NUDIN (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan dan hamper kepada wakil jabatan kerajaan yang turut memberi kerjasama dalam menjayakan Program Sahabat Maritim, baru-baru ini.

Program pupuk semangat kekeluargaan etnik Kadayan di Labuan



SAMANGAT Baapadian Sabanian Seborneo Mantuni Nanam anjuran bersama Persatuan Kadayan Labuan (WAKAL) dan Persatuan Kebudayaan, Muzik dan Kesenian Kadayan Labuan (KUMALA).

PROGRAM 'Samangat Baapadian Sabanian Seborneo Mantuni Nanam' anjuran bersama Persatuan Kadayan Labuan (WAKAL) dan Persatuan Kebudayaan, Muzik dan Kesenian Kadayan Labuan (KUMALA) dilihat mampu memupuk semangat kekeluargaan di antara etnik Kadayan di Pulau Bebas Cukai itu.

Ketua Biro Kebudayaan Adat dan Warisan WAKAL, Nordin Kadir berkata Program 'Samangat Baapadian Sabanian Seborneo Mantuni Alam (Nanam Puhun) itu bertujuan untuk menghubungkan semangat kekeluargaan 'Warisan Badudun' warga Kadayan yang diamalkan sejak sekian lama agar tidak hilang ditelan zaman dan

seterusnya program ini dapat dihayati oleh pelbagai masyarakat khususnya generasi muda waris Kedayan.

"Program seumpama ini juga secara tidak langsung telah memberikan suntikan semangat kepada peniaga kecil masyarakat kadayan di kampung ini yang telah mempopularkan makanan tradisi masyarakat kadayan serta kepelbagaian dan keunikan masyarakat kadayan yang ada di kepulauan Borneo," katanya ketika ditemui pemberita selepas melancarkan program tersebut, baru-baru ini.

Sebagai tanda simbolik dalam merealisasikan Program Samangat Baapadian Sabanian Seborneo telah diadakan

majlis menanam pokok yang dilaksanakan oleh ketua-ketua adat dari Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Program yang diadakan di Sunrise Beach Kampung Tanjung Aru Nelayan itu telah dihadiri lebih 50 warga Kadayan dari Sabah, Sarawak dan Labuan.

Hadir sama pada program santai itu, Ketua Adat WAKAL, Hashim Abdullah dan Pengurus GSK Lawas, Jun Sadiman.

Turut sama, Pengurus Persatuan Kedayan Miri, Mohd Abdullah Jamain; Pengurus Persatuan Kadayan Zon Beaufort Sabah, Llydiawati Osli; Penyelia KFM Sabah, Padian Oding dan Ketua SKB Brunei Darussalam, Patamah Hipni. WK

Pelajar tingkatan enam SMK Labuan terima Peranti Siswa Keluarga Malaysia

SERAMAI 117 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Labuan telah menerima Peranti Siswa Keluarga Malaysia, baru-baru ini.

Kesemua penerima bantuan itu merupakan pelajar Pusat Tingkatan Enam daripada golongan keluarga berpendapatan rendah.

Menurut Pengetuanya, Mohd Nizam Yasim, dengan bantuan itu diharapkan semua pelajar yang menerima peranti tersebut dapat memanfaatkan sumbangan kerajaan ke arah menjayakan Dasar Pendigitalan Pendidikan selari dengan Revolusi Industri 4.0.

"Kerajaan sudah menyediakan pelbagai kemudahan, saya berharap pelajar menggunakan dengan sebaik mungkin untuk memperolehi keputusan yang cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun ini," katanya kepada Wilayahku,

baru-baru ini.

Turut hadir meninjau sesi pengagihan peranti tersebut ialah dua Penolong Pengarah Unit Menengah, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Sahbudin Ag Muhammad dan Christopher John Sintum.

Sementara itu, salah seorang pelajar yang menerima bantuan tersebut, Nurul Syamisha Herman Tuah menzahirkan kesyukuran di atas pemberian khas kerajaan kepada pelajar-pelajar tingkatan enam.

"Semestinya peranti ini membolehkan saya dan rakan-rakan belajar dengan lebih berkesan terutamanya dalam menghadapi peperiksaan tidak lama lagi.

"Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang prihatin dengan pelajar golongan B40," katanya. WK



PENOLONG Kanan tingkatan enam, Saminan Sabtu (tengah pakai tali leher) bersama pelajar Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan yang menerima peranti untuk pembelajaran, baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM190

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....


NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM190".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **19 NOVEMBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 192.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

**TEKA SILANG KATA SK190****MELINTANG**

1. Cemerlang
5. Bahaya/kerugian
6. Sejenis buah
9. Muncul di akhir zaman
11. Simbol kimia Radium
12. Pangsa durian
14. Pergerakan/perpindahan

KE BAWAH

1. Puisi dua baris
2. Makbul
3. Gelaran anak sulung
4. Ilmu alam
7. Simbol kimia Natrium
8. Pembuluh darah
10. Alat menangkap ikan
13. Republik Indonesia

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK190".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **19 NOVEMBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 192.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 188

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM188:

SITI EILIYAH ZAMANAH
(8 tahun)
Jalan Puchong, Kuala Lumpur

RYAN LOH MENG CHEN
(11 tahun)
Sungai Buloh, Selangor

DANISH AZREEL HANAFI
(7 tahun)
Presint 6, Putrajaya




Karya Adik Siti Eiliyah

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK188:

SITI NUR EIZATTY MOHD NASIR
(29 tahun)
Gombak, Selangor

BAHARUDDIN BASIRON
(51 tahun)
Wangsa Melawati, Kuala Lumpur

NOOR FARIDA ABDUL JALIL
(44 tahun)
Sabak Bernam, Selangor



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Tahniah

Pemenang Anugerah Seri Angkasa 2022

Anugerah Seri
Angkasa
2022



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Tahniah

KATEGORI	PEMENANG	PROGRAM/PENERBIT	SALURAN/STesen
Tokoh Seri Angkasa Anugerah Khas Juri	Fauziah Nawi Program Halaqah (Episod 7): Bencana, Muhasabahkah Kita?	Haji Ahmad Noor Sulaiman	TV3
Drama TV Terbaik Dokumenteri TV Terbaik Pengarah Drama TV Terbaik Drama Bersiri TV Terbaik Pelakon Wanita Drama TV Terbaik Pelakon Lelaki Drama TV Terbaik Pelakon Pembantu Wanita Drama TV Terbaik Pelakon Pembantu Lelaki Drama TV Terbaik Pelakon Kanak-Kanak TV Terbaik Pelakon Komedи TV Terbaik Bicarawara TV Terbaik Rancangan Agama TV Terbaik Rancangan Sukan TV Terbaik Rancangan Kanak-Kanak TV Terbaik Animasi Tempatan TV Terbaik Candawara (Gameshow) TV Terbaik Rancangan Realiti TV Terbaik Promo TV Terbaik Montaj TV Terbaik Pengulas TV Terbaik Liputan Berita TV Terbaik	Pencipta Pegang Waktu Social Playlist Pencipta Pegang Waktu Khaled Novel Rabak Satu Kampung Dua Orang Jeti Amanat Pua Chandler Nurkhiriah Lambaian Tidak Kesampaian Al-Qariah Aksi Episod 1 Ustaz Kartun Dan Robojim The Five Elves: A New World Panggung Memori Hijrahkan Laguku Lagu Cinta Kita 3 Berita Perdana Rasdi Juma'at Berita Perdana: Proses Imunisasi Perlu Difahamini Kajang Bypass: Lebuh Raya Atau Pusara? Izhar Masuri Mohamad Izuan Munshid Azri Haji Seman Muhammad Aqil Aiman Mohd Salleh Tuan Nazraifie Tuan Abd Rahman Sofi Jikan Kuna Muzani Untukmu Malaysia Cabaran Pendidikan Norma Baharu Mukjizat Teragung Dondang Sayang Warisan Tanyalah Ustaz Promo Pentas Best FM Rosdi Omang	Nor Shahila Harun Shah Herbert Pua Kuo Jie Zainorhisyam Samudin Dukun Diva Khatijah Tan Eman Manan Nabila Huda Hilal Azman Howdy My Friends! Madu Azliyanti Ib-Berahim Rosmawani Mat Zin Shah Putra Ahmad Taib Mohd Zahir Zainal Abidin Happy Yeye Sdn. Bhd. Mohd Irwan Abdul Rauf Nurainah Nabeeha Ahmad Shahru Osman Fatkhul Arif Hikaluddin Laporan Harian Sukan Olimpik Tokyo 2021 Faris Izzat Shaharudin dan Andy Reza Rohadia Mohammad Hilmij Ab Malik	TV3 TV3 TV3 ASTRO Citra TV3 ASTRO Citra TV3 TV3 ASTRO Xiao Tai Yang Okey TV3 TV Alhijrah TV1 TV Alhijrah ASTRO Xiao Tai Yang ASTRO Warna TV Alhijrah TV3 Berita RTM Okey Berita RTM ASTRO Awani
Laporan Khas Berita TV Terbaik Suntingan Rancangan TV Terbaik Set TV Terbaik Tatarias TV Terbaik Grafik TV Terbaik Kesan Khas TV Terbaik	Izhar Masuri Mohamad Izuan Munshid Azri Haji Seman Muhammad Aqil Aiman Mohd Salleh Tuan Nazraifie Tuan Abd Rahman Sofi Jikan Kuna Muzani Untukmu Malaysia Cabaran Pendidikan Norma Baharu Mukjizat Teragung Dondang Sayang Warisan Tanyalah Ustaz Promo Pentas Best FM Rosdi Omang	Capa Rengat Gulai Rawo Halaqah 2020 Yang Tersembunyi Imbauan 2020 Halaqah 2021	TV1 TV3 Okey TV9 TV3
Pelakon Pembantu Lelaki Drama Radio Terbaik Pelakon Pembantu Wanita Drama Radio Terbaik Majalah Radio Terbaik Dokumentari Radio Terbaik Bicarawara Radio Terbaik Rancangan Interaktif Radio Terbaik Rancangan Agama Radio Terbaik Promo Radio Terbaik Pengulas Radio Terbaik	Akhirnya Bahagia Meluruh Prihatin Tandanya Sayang Nurul Aisah Bidin Rosdi Omang Siti Nazdhirah Mohd Rajoli Sharizad Abu Bakar Suffan Asnita Sulaiman Mohd Razi Rashid Final Badminton Para Kelas SU5 - Sukan Paralimpik Tokyo 2020 Buletin Berita 988 Mohd Hirzee Mohamad Lintas Langsung Tinjauan Pasca Banjir Sungai Telemong Ezrie Gazali Khairunnisa Ismail Nurul Farah'ain Nordin dan Norfaiza Mohd Kamal	NASIONALfm SELANGORfm NASIONALfm NASIONALfm Salam FM MELAKAfm SANDAKANfm Best FM NASIONALfm	
Penyampai Berita Radio Terbaik Buletin Radio Terbaik Liputan Berita Radio Terbaik	Tan Xin Rui Utama Waktu Ini Ahmad Fawzan Azmie	Scammer	988FM BERNAMA Radio BERNAMA Radio
Drama Pendek Menerusi YouTube Rasmi Terbaik Sketsa Pendek Menerusi YouTube Rasmi Terbaik Pesanan Khidmat Masyarakat Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	Kampung Malar (Deepavali) Syawal Pertama YouTube Buletin TV3	Sham Shamsul Majalah 3 (Predator Darat) Gegar Vaganza 7 Sepatu Reunion Live 2020 Perlawaan Akhir TM Piala Malaysia 2021 -Kuala Lumpur City FC Lawan Johor Darul Ta'zim	ASTRO Gempak ASYIKfm TV3
Skrip Drama TV Terbaik Majalah TV Terbaik Hiburan Muzikal TV Terbaik Komedi TV Terbaik Liputan Sukan TV Terbaik	Rozaihan Abdul Rahim Jejak Rasul Berita Perdana Edisi Khas Belanjawan 2021 Siaran Langsung Hari Angkatan Tentera Ke-88	Yunus Mohd Noor Mohd Rafael Ramli	ASTRO Ria TV3 ASTRO Ria ASTRO Warna TV1
PSA & Kapsul TV Terbaik Pengacara TV Terbaik Buletin TV Terbaik Liputan Khas Siaran Langsung Terbaik	Norliza Mohd Zain Mas Zharif Zahfri Abdul Azid Abdul Rahim Hamidon, Syamsul Azwin Yakop,Ahmad Hoirulnizam Che Yusof, CW Hasanol Israf, Mohd Rasmadi Man, Abdul Rahman Shahar, Muhammad Hakim Muhammad dan Mairullah	Buletin Utama ICU Seluruh Negara Melebihi Kapasiti Konsert Minggu Ini Dayang Nurfaizah dan Hael Husaini	Berita RTM TV3 Berita RTM Berita RTM
Jurukamera TV SCP Terbaik Penataan Cahaya TV Terbaik Audio Rancangan TV Terbaik Pengimbangan Muzik TV Terbaik Drama Radio Terbaik Skrip Drama Radio Terbaik Pelakon Lelaki Drama Radio Terbaik Pelakon Wanita Drama Radio Terbaik Hiburan Radio Terbaik PSA dan Kapsul Radio Terbaik Penyampai Radio Lelaki Terbaik	Nileshkumar Rajendran Junaimeramfizal Rahmat Andrew Liew Mohd Hawary Hanapiah Anugerah Terindah Syikin Zauzi Beto Kusyairy Lisdawati Raya Extravaganza Sketsa Banjir Dan Pindah Mohd Azlan Omar	Manmadha Bullets Berdua Anugerah Meletop ERA 2020 Berdua Norazlinah Nordin Salam Akhirnya Bahagia Meluruh Anugerah Terindah Akhirnya Bahagia Meluruh Yogeswaran Ramalingam Ibrahim Hajji Diman SABAfm Ruangan Pilihan Pendengar (Mestika Klasik) Getaran Pagi Dokumentari Hijrah - Cahaya Sejernih Mata Air Lintas Langsung Tinjauan Pasca Banjir Sungai Telemong	ASTRO Vinmeen TV1 ASTRO Ria TV1 FM NASIONALfm Salam FM NASIONALfm TRAXXfm Radio Klasik
Penyampai Radio Wanita Terbaik Pengimbangan Audio Radio (Studio) Terbaik Pengimbangan Audio Radio (Lokasi) Terbaik	Azlinna Kamarudin Mohd Azree Baharum	Mohd Zaini Ahmad Norbi	NEGERIfm IKIM FM
Video Klip Hiburan Menerusi YouTube Rasmi Terbaik Drama Bersiri Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	Sentiasa Di Sini Bunga's Secret Garden		BERNAMA Radio ASTRO Gempak ASTRO Gempak



Bencoolen Coffee sasar buka lima cawangan baharu tahun 2023



SABRINA SABRE

RANGKAIAN makanan dan minuman (F&B), Bencoolen Coffee yang semakin pesat berkembang di Malaysia membuka cawangan kelimanya di Suasana PJH, Presint 2, Putrajaya dan menyasarkan untuk mempunyai lima cawangan baharu menjelang tahun 2023.

Menurut pemilik Bencoolen Coffee Malaysia yang diterajui oleh Seven Seasons Preservation Sdn Bhd (7SP), **Dr Mohd Fazlin Ab Rahman**, pembukaan cawangan kelima di Putrajaya ini merupakan salah satu usaha syarikat bagi meningkat dan mengembangkan jenama Bencoolen Coffee dan perniagaan 7SP amnya.

"Bagi meneruskan kelangsungan perniagaan Bencoolen Coffee, pihak kami merancang untuk menambah lima lagi cawangan baharu di seluruh Malaysia pada 2023 sama ada melalui pemilikan terus atau melalui perlesenan."

"Pemberian lesen dilihat dapat membuka peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat dalam F&B dengan pilihan modal yang berpatutan iaitu serendah RM7,900. Secara tidak langsung ia dapat memberi peluang kepada semua lapisan pengusaha untuk menambah baik produk dan pendapatan mereka," katanya pada Majlis Perasmian Bencoolen Coffee



KAFE Bencoolen Coffee membuka cawangan kelimanya di Malaysia dan Gabenor Provinsi Bengkulu Indonesia, Dr H Rohidin Mersyah diberi penghormatan bagi menyempurnakan acara perasmian yang diadakan di Suasana PJH, Putrajaya baru-baru ini serta turut dihadiri oleh Dr Mohd Fazlin (dua kiri).

di Putrajaya, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Gabenor Provinsi Bengkulu Indonesia, Dr H Rohidin Mersyah dan turut dihadiri 200 tetamu yang berpeluang membuat jalinan rangkaian serta padanan perniagaan (*networking and business matching session*).

Berkongsi tentang Bencoolen Coffee, ia berasal dari Provinsi Bengkulu dan telah diiktiraf kualiti dan keenakannya oleh Agency for the Valorization of Agricultural Products (AVPA) yang berpangkalan di Paris serta memenangi medal 'silver' untuk kualiti dan 'bronze' bagi kenikmatan rasanya pada 2019.

Mengagumkan, sehingga kini, terdapat lima cawangan Kafe

Bencoolen Coffee telah beroperasi di Malaysia yang terletak di Jalan Raja Perempuan Zainab 2, Kubang Kerian, Kelantan; Bangunan PB Sentral, Kuala Terengganu; K'Kalang Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu; Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah dan yang terbaru di Suasana PJH, Presint 2, Putrajaya.

Bukan itu sahaja, Mohd Fazlin memaklumkan selain daripada operasi kafe, 7SP turut membekalkan produk biji kopi (panggang dan mentah), khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan, latihan barista dan juga latihan usahawan digital.

"Kafe Bencoolen Coffee bukan sahaja menawarkan minuman berdasarkan kopi tetapi turut



menyajikan makanan utama, makanan ringan, pencuci mulut, kek dan pastri.

"Selain itu, minuman yang tidak berdasarkan kopi turut ditawarkan bagi memberi pelbagai pilihan kepada pelanggan. Kafe ini adalah bersandarkan konsep santai dan selesa untuk pelanggan-pelanggan menikmati kopi asli yang segar dan juga untuk perbincangan dan meraikan majlis hari jadi ataupun ulang tahun," tambahnya 7SP juga menawarkan pembukaan cawangan Bencoolen Coffee kepada pihak yang berminat.

Sementara itu, Mohd Fazlin turut bersyukur kerana perkembangan dan kejayaan Bencoolen Coffee di Malaysia telah mendapat sokongan

daripada pelbagai pihak sehingga ke hari ini termasuk kerajaan Bengkulu sendiri, rakan niaga Cybers Global Indonesia (CGI), Kedutaan Besar Indonesia dan juga agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Putrajaya, Putrajaya Holdings Sdn Bhd, Majlis Amanah Rakyat dan Dewan Perniagaan Melayu Putrajaya serta rakan-rakan niaga yang lain termasuk Koperasi PMINT Terengganu dan Kasih Ibu Ventures, Alor Setar.

Terdahulu, 7SP telah memeterai perjanjian dengan PT CGI pada 2020 dengan misi untuk mengembangkan jenama Bencoolen Coffee di Malaysia dan seterusnya ke arena antarabangsa.

W.K

Hasil seni 16 pemenang PFPP 2022 promosi destinasi pelancongan Putrajaya

DIANA AMIR

SERAMAI 16 orang pemenang Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya (PFPP) 2022 diraikan dalam acara penyampaian hadiah di Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj, Putrajaya, Selasa lalu.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata pertandingan yang telah memasuki kali kelima tersebut bertujuan mempromosikan Putrajaya menggunakan medium fotografi sebagai destinasi pelancongan yang patut diterokai di Malaysia.

"Secara tidak langsung, keindahan, reka bentuk seni bina yang unik dan keistimewaan tempat-tempat menarik serta kawasan tarikan utama di Putrajaya dapat dipromosikan melalui hasil seni fotografi peserta yang bertanding," kata beliau ketika menyempurnakan acara penyampaian hadiah PFPP 2022.

PFPP 2022 yang dianjurkan pada tahun ini telah bermula dari 15 Februari lalu sehingga 30 Jun 2022.



ABDUL HAFIZ bersama hasil seni fotografinya yang dinobatkan johan dalam kategori Seni Bina di Putrajaya.

Pertandingan pada kali ini memaparkan dua kategori baharu iaitu Produk-Produk Baharu Pelancongan Putrajaya (*Glamping*, Tangga Putrajaya, *Sandy Beach*) dan tarikan alam semula jadi serta Seni Bina di Putrajaya (bangunan, jambatan, monumen, dataran termasuk pencahayaan malam), jelas beliau pada tahun

ini PPj menerima sebanyak 1,118 penyertaan.

Dalam pada itu, pemenang utama bagi kategori Seni Bina di Putrajaya, Abdul Hafiz Ab Hamid berkongsi keterujaannya apabila penyertaan kali keduanya membawa hasil.

"Kawasan di sekitar Taman Wetland tersebut dipilih kerana

mempunyai banyak habitat hidup liar serta keunikan seni bina gegelung dan pancaran matahari yang menembusi jambatan menambahkan lagi keunikannya.

"Saya menunggu dalam satu jam di tempat tersebut tetapi untuk mendapatkan momen itu hanya dalam lima minit sahaja sebelum ia hilang. Ia memang satu keterujaan untuk saya abadikan buat Putrajaya agar orang ramai dapat mengenali pusat pentadbiran ini dengan lebih dekat," katanya sewaktu ditemui pemberita.

Manakala Muhammad Hakim Samsudin yang merupakan pemenang tempat ketiga bagi kategori Produk-Produk Baharu Pelancongan Putrajaya menganggap kemenangan ini sebagai satu pengiktirafan buat dirinya yang masih baru dalam industri landscap fotografi.

"Perasaan bercampur baur, gembira, teruja dan terkejut

memandangkan ini kali pertama saya menyertai pertandingan besar seperti ini dan berjaya memenangi top 3.

"Pada mulanya saya lihat ada kanak-kanak yang sedang bermain dengan itik dan apabila gambar tersebut ditunjukkan kepada rakan, dia menyatakan bahawa itik tersebut hanya wujud di Putrajaya. Jadi saya rasa itu menambah

keunikian yang terdapat di dalam gambar selain ia ditangkap sewaktu 'golden hour,' ujar Hakim yang meminati bidang fotografi sejak menutut di Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Terdahulu, johan pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM4,000 manakala naib johan (RM2,000), tempat ketiga (RM1,000) dan lima pemenang saguhati pula memperoleh RM200 setiap seorang di mana jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM20,000 termasuk hadiah iringan.



MUHAMMAD HAKIM

W.K



►23

Persiap mental fizikal untuk terus berjuang

Atlet WiPers teruja terima habuan

SABRINA SABRE

ATLET Wilayah Persekutuan (WiPers) yang menampilkan aksi cemerlang menerusi beberapa kejohanan yang berlangsung sepanjang tahun ini teruja apabila menerima insentif dalam Majlis Penyampaian Insentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan 2022 di Dewan Seri Siantan, Putrajaya, baru-baru ini.

Jaguh beregu badminton lelaki negara, **Soh Wooi Yik** yang merangkul pingat gangsa di Sukan Komanwel Birmingham 2022 Ogos lalu menyifatkan pemberian tersebut memberi motivasi untuk dirinya terus cemerlang serta mempersiapkan mental dan fizikal bagi memenangi lebih banyak gelaran di peringkat dunia.

“Saya bersyukur kerana Wilayah Persekutuan sentiasa memberi penghargaan kepada atlet yang berjaya meraih pingat di kejohanan dan semestinya perkara ini memberi motivasi kepada kami untuk terus berjuang pada masa hadapan.

“Saya akui status gelaran juara dunia yang diraih bersama gandingan, Aaron Chia pada Ogos lalu mendorong kami untuk perbaiki aksi dan kekal konsisten di atas gelanggang sekiranya mahu



ERRY HIDAYAT

memburu lebih banyak kejuaraan selepas ini,” katanya kepada pemberita sejurus majlis.

Tambahnya, dia dan Aaron juga tidak pernah lupa menjalankan tanggungjawab mereka selaku pemain senior di Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan membimbing barisan pemain muda untuk mengikuti jejak langkah mereka.

“Barisan pemain muda negara harus menanam impian tinggi dan kesungguhan jitu sekiranya mahu mencapai kejayaan seperti yang dilalui kami.

Mentaliti amat penting kerana sebagai atlet, kita perlu ada ‘hati besar’ untuk memenangi setiap perlawanan di samping latihan, kerja keras, usaha dan fokus,” katanya yang kini giat melakukan persiapan bagi menyertai Kejohanan Final Jelajah Dunia BWF di Guangzhou, China, Disember ini.

Sementara itu, atlet angkat berat negara, **Muhammad Erry Hidayat** bersyukur segala pengorbanannya dihargai dan akan terus memperkuat semangat juang dalam industri sukan untuk mencapai prestasi lebih baik.

Dia yang merupakan anak kepada atlet lagenda angkat berat negara, Muhammad Hidayat Hamidon menerima insentif



ATLET WiPers bergambar bersama tetamu kehormat sejurus Majlis Penyampaian Insentif Atlet & Jurulatih Wilayah Persekutuan 2022 bertempat di Dewan Seri Siantan, Putrajaya baru-baru ini.

ekoran kejayaan meraih pingat perak dalam acara 73 kilogram (kg) di temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022, pingat gangsa pada Sukan SEA Hanoi dan pingat emas di SUKMA 2022 dalam acara 81kg.

Anak jati Kuala Lumpur ini turut berpandangan pentas Kejohanan SUKMA perlu kekal menjadi medan pendedahan kepada barisan atlet muda negara untuk mara ke peringkat lebih tinggi.

“Amat penting bagi pihak persatuan kebangsaan dan Majlis Sukan Negara (MSN) untuk mengenal pasti dan menggilap bakat baharu melalui SUKMA kerana saya percaya bintang baharu ini dapat membantu kegemilangan

minimum untuk layak ke sana (Sukan Olimpik),” ujarnya yang mempunyai catatan angkatan terbaik iaitu 316kg, 173kg dalam clean and jerk dan 143kg dalam snatch.

Terdahulu, insentif keseluruhan berjumlah RM1.096 juta diperuntukkan buat atlet dan jurulatih kontingen WiPers atas aksi cemerlang di temasya yang berlangsung pada tahun ini iaitu Sukan Komanwel Birmingham, Sukan SEA Hanoi, SUKMA ke-20 serta kejohanan dalam dan luar negara. **WK**



AKSI pemain beregu negara, Soh Wooi Yik pada Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia 2022 di Axiata Arena Bukit Jalil. Foto: ASIANA.MY

buat negara di persada antarabangsa,” katanya.

Beralih kepada perekem bangunan terbarunya, badang berusia 23 tahun itu berkongsi beberapa kejohanan dunia yang akan disertainya bermula dengan Kejohanan Angkat Berat Dunia di Colombia pada Disember ini bagi menempah slot untuk beraksi dalam Sukan Olimpik Paris 2024.

“Sekarang saya berada di ranking 16 dunia. Sasaran saya adalah untuk dapat ranking ke-12 dunia paling

1,000 pengunjung meriahkan Perayaan ‘Festival of Lights’ Kuala Lumpur

HAMPIR 1,000 pengunjung termasuk beberapa duta, wakil kedutaan dan pelancong asing memeriahkan Majlis Sambutan Deepavali Kuala Lumpur 2022 di Dataran Merdeka, Khamis lalu.

Rata-ratanya gembira dan terhibur menyaksikan persembahan kebudayaan masyarakat India dalam program anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai usaha untuk mengetengahkan tarikan budaya di negara ini serta untuk memeriahkan kembali industri pelancongan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata penganjuran program ini bagi memperkenalkan perbezaan dan perpaduan antara kaum di Malaysia

kepada pengunjung termasuk pelancong dari Itali, Denmark dan England.

Jelasnya, selain tarian masyarakat India, aktiviti membuat kolam, melukis inai dan pertunjukan seni mempertahankan diri, Silambam turut dipertontonkan kepada pengunjung.

“Penganjuran program adalah untuk menyemarak serta mempertingkatkan semula industri pelancongan khususnya di Kuala Lumpur sekali gus mengenali secara dekat budaya dan tradisi kaum India di Malaysia.

“Di Malaysia kita ada peluang untuk bersama-sama meraikan perayaan berbilang kaum dan agama tidak kira Tahun Baru Cina,

Hari Raya Aidilfitri atau Deepavali kerana itulah yang menjadikan kita unik sekali gus membentuk identiti kita sebagai bandar untuk semua,” katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Deepavali Kuala Lumpur 2022.

Terdahulu, majlis tersebut turut dimeriahkan dengan persembahan nyanyian secara acapella tradisional dari kumpulan Klapa yang berasal dari negara Croatia.

Hadir sama, Pengurus Komuniti India Malaysia Wilayah Persekutuan yang juga Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk S Rajah; Duta Besar Belgium, Peter Van Acker; Duta Republik Croatia, Ivan Velimir dan Duta Besar Itali, Massimo Rustico. **WK**



PENARI kebudayaan DBKL mempersembahkan tarian tradisional India sempena Festival of Light Sambutan Deepavali di Dataran Merdeka, Khamis lalu.